

Buletin uniSZA

ISSN 2180-0235 | DISEMBER 2012 | BIL 9



BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



Lawatan Menteri Pengajian Tinggi ke UniSZA
UniSZA Anugerahkan Doktor Kehormat kepada Dua Tokoh Negara
Sejenak bersama TNC (Akademik dan Antarabangsa)
Artificial Nests for Hornbills
Rakaman Bima Sakti (*Milkyway*)

Istiadat KONVOKESYEN KE -

1 - 2 Disember 2012 (Sabtu - Ahad)

VERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

pers 17 - Muharram

Pengurusan Tertinggi

YBhg. Dato' Profesor Dr. Alias Daud
Naib Canselor

Profesor Dr. Amran Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Pendaftar

Baharin Salim @ Abdullah
Bendahari

Sidang Pengarang

Hajah Azizah Endut
Pusat Penerbitan

Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Penerbitan

Prof. Madya Dr. Nashriyah Mat
Fakulti Pertanian dan Bioteknologi

Mohamad Hafis Amat Simin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Hafiah Yusof
Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Nashirah Hussin
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Nurhana Ghazali
Unit Komunikasi Korporat

Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Unit Komunikasi Korporat

Zurina Mansor
Setiausaha
Pusat Penerbitan

Sumber dan Penyumbang Bahan

- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- Bahagian Pengurusan Akademik
- Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan
- Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Rekabentuk dan Teknologi Inovatif
- Fakulti Teknologi Makanan
- Jabatan Pendaftar
- Jabatan Perpustakaan
- Pusat Kesihatan Pelajar
- Pusat Penerbitan
- Pusat Islam
- Pusat Seni dan Warisan
- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Jaminan Kualiti
- Unit Latihan Industri

Hak Cipta Terpelihara © 2012. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pusat Penerbitan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2012

Ketua, Pusat Penerbitan
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 7680 Faks: 09-667 3896

Emel: zurina@unisza.edu.my

Laman web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



Kandungan

- Utama.....4
- Malim Sarjana.....13
- Fokus PTJ.....16
- Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat.....24
- Tokoh.....42
- Rencana.....46
- Pencapaian.....48
- UniSZA Bersama Masyarakat.....55
- UniSZA dan Hubungan Antarabangsa.....60
- Sukan dan Kokurikulum.....66

Lawatan Menteri Pengajian Tinggi ke UniSZA

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Kementerian Pengajian Tinggi telah mengadakan lawatan kerja ke UniSZA pada 8 Oktober 2012.

Lawatan dimulakan dengan taklimat oleh Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Dato' Prof. Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif berkaitan perkembangan pembangunan di FPSK. Selesai sesi taklimat, YB Menteri dibawa melawat ke beberapa makmal seperti Makmal Kemahiran Klinikal dan Bilik Diseksi di UniSZA Kampus Kota.

YB Menteri turut menyempurnakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA yang diadakan di Primula Beach Hotel. Lawatan diakhiri dengan YB Menteri melawat tapak bangunan Pusat Keusahawanan UniSZA di Kampus Gong Badak.

Turut mengiringi YB Menteri ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Dato' Zolkigli Abdul, Naib Canselor UniSZA, Dato' Prof. Dr. Alias Daud, Timbalan Naib Canselor UniSZA, Profesor Dr. Amran Ahmed dan pengurusan universiti yang lain.





Sekitar Proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar



Keputusan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar

Kerusi Umum

- Muhammad Marzuqi Zainal Adlan (FIT)
- Siti Saodah Zakaria (FPB)
- Ahmad Al Hafiz Rosli (FKI)
- Muhamad Anas Misbahudin (FIT)
- Ju Ariana Ibrahim (FPB)
- Mohamad Zairi Othman (FKI)

Fakulti

Rekabentuk Inovatif dan Teknologi

- Muhammad Nursyazwan Zainuddin
- Muhammad Ruzaini Hasan

Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa

- Mohamad Qayyum Shamsudin
- Nur Izzah Liyana Mat Nayan

Pertanian dan Bioteknologi

- Ahmad Hanafi Sulong
- Goh Cheong Tatt

Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan

- Muhammad Muzzammil Abd Radzak
- Khaironnisa Mustapa

Pengajian Kontemporari Islam

- Aina Najwa Ibni Amin
- Muhammad Farid Abdul Talib

Bahasa dan Komunikasi

- Mohd Shafie Johan Ng
- Nadzatul Shima Jaafar

Perubatan dan Sains Kesihatan

- Muhammad Rais Abdul Karim
- Wong Fui Ngee

Teknologi Makanan

- Nurul Izzati Diyana Abdullah Suhaimi
- Noor Farzana Omar

Informatik

- Muhamad Faisal Selman
- Wan Zahra Mardiyah Wan Mohd Khidzar

Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2012/2013

Pada 8 Oktober 2012, satu majlis penyampaian watikah perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar melibatkan kesemua 24 orang di Primula Beach Resort telah diadakan. Majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi. Majlis ini turut dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud; Dekan HEPA, Dr. Abdul Hakim Abdullah; dan Timbalan Dekan Seksyen Kokurikulum dan Hubungan Luar, Encik Shahzool Hazimin Azizam.

Objektif utama majlis ini diadakan adalah untuk mengiktiraf perlantikan kepimpinan pelajar. Selain itu, majlis seumpama ini dapat meningkatkan tahap keyakinan dan motivasi dalam diri pelajar untuk melakukan amanah dan tanggungjawab dengan baik dan ikhlas.

Diharapkan majlis seumpama ini mampu melahirkan generasi pemimpin yang cemerlang dan generasi pelajar yang gemilang. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan majlis ini.



MPPUnisZA

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
SESI 2012/2013

f Majlis Perwakilan Pelajar UnisZA
e ssrcunisza.blogspot.com



PRESIDEN
MUHAMMAD MARZUQI
B ZAINAL ADLAN
017-6557920



TIMBALAN PRESIDEN I
AHMAD AL HAFIZ
B ROSLI
017-4981048



TIMBALAN PRESIDEN 2
SITI SADDAH
BT ZAKARIA
014-2847693



SETIAUSAHA AGUNG 1
MUHAMMAD ANAS
B MISBAHUDIN
013-4585453



SETIAUSAHA AGUNG 2
JU ARIANA
BT IBRAHIM
012-3045869



BENDAHARI KEHORMAT
MOHAMAD ZAIRI
B OTHMAN
017-7293022



EXCO AKADEMIK & INTEGRITI
GDH CHEONG TATT B SHAMSUDIN
017-6376638 017-3950512



EXCO KEBAJIKAN & PEMBANGUNAN PELAJAR
NADZATUL SHIMA B ZAINODIN
BT JAAFAR B ZAINODIN
013-9997567 013-9174590



EXCO KOMUNIKASI, PENERANGAN & PERHUBUNGAN LUAR
MUHAMMAD FAISAL B SELMAN
BT WAN MOHD KHIDZAR
017-9850246 017-6053459



EXCO PEMBANGUNAN SUKAN & REKREASI
NOOR FARZANA B HASSAN
019-9975472 019-5444647



EXCO PERPADUAN, KEBUDAYAAN & KESENIAN
MUHAMMAD MUZAMMIL B ABD. RAIZAK
WONG FUI NGEE
010-9516388 013-5227705



EXCO PEMBANGUNAN SAHSIAH & KEROHANIAN
AINA NAJWA B ABID AMIN
MOHAMMAD FARID B ABDUL TALIB
013-9185142 013-4176336



EXCO KESIHATAN & ALAM SEKITAR
NURUL IZZATI DIYANA B ABDULLAH SUHAIMI
017-6758549 013-4095880



EXCO INOVASI, PENYELIDIKAN & PENEMPATAN LUAR
NUR IZZAH LIYANA B MAT NAYAN
MOHD SHAFIE B JOHAN NG
012-6331649 012-9976534



EXCO KELAB, PERSATUAN, SEKRETARIAT & KOLEJ KEDIAMAN
KHAIRONNISA B MUSTAPA
AHMAD HANIFI B SULONG
011-19817002 014-5144743

"INSPIRASI MAHSISWA MOBILITI NEGRRA"




Sekitar Istiadat Konvokesyen UniSZA Ke-4



Sekitar Istiadat Konvokesyen UniSZA Ke-4





Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Dr. Zaki Tun Azmi pada dasarnya mencapai kejayaan atas daya usaha beliau sendiri. Bapa beliau merupakan bekas Ketua Hakim yang pada ketika itu dikenali sebagai 'Lord President', iaitu jawatan tertinggi dalam bidang kehakiman Malaysia. Namun, ini tidak bermakna beliau hidup dalam kemewahan. Latar belakang yang cukup sederhana dan kepintaran beliau telah mendorong beliau meletakkan nilai tinggi dalam mencapai matlamat hidup. Akhirnya, beliau berjaya menjadi seorang tokoh perundangan yang amat dihormati di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Sejarah kerjaya beliau dalam bidang perundangan bermula apabila memulakan kerjayanya di Jabatan Peguam Negara dari Disember 1969 hingga 1970. Selepas tempoh tersebut, beliau kemudiannya dilantik sebagai majistret di Kuala Lumpur pada tahun 1970, diikuti dengan jawatan Presiden Mahkamah Sesyen di Ipoh pada tahun 1971. Pada tahun 1973, Yang Amat Berbahagia Tun telah dilantik sebagai Peguam Persekutuan di Bahagian Gubalan di Jabatan Peguam Negara. Pada tahun 1976, beliau dilantik sebagai Peguam Kanan Persekutuan di Kementerian Dalam Negeri.

Pada tahun 1985, beliau menukar hala tuju kerjayanya dari seorang pegawai undang-undang kerajaan kepada pengamal undang-undang persendirian di Tetuan Shahrizat, Rashid & Lee. Kerana kecemerlangannya sebagai seorang peguam, beliau kemudiannya dilantik sebagai perunding di firma yang sama bermula dari 1 September 2006 hingga 4 September 2007. Selain menjadi peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya, beliau juga merupakan seorang Penimbangtar yang bertaualiah di Kuala Lumpur dan Selangor. Tidak hanya menumpukan perhatian dalam amalan undang-undang, Tun Dato' Seri telah melangkah lebih jauh dengan menimba pengalaman sambil menyumbang kepakaran dalam dunia korporat. Beliau pernah dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat awam, seperti Petroleum Nasional Berhad, yang mana beliau juga merupakan Pengerusi

Penerima Ijazah Dr Kehormat Undang-Undang

Tun Dato' Seri Dr. Zaki Tun Azmi

Jawatankuasa Audit selama lebih dari 18 tahun.

Selain menjadi perunding dalam bidang undang-undang, penglibatan dalam pelbagai institusi menjadi bukti kemampuan beliau untuk menyumbang kepada pihak-pihak yang memerlukan. Ini dapat dilihat melalui penglibatan beliau dalam Panel Skim Projek Perumahan Tergendala dan Panel Sukan Kebangsaan. Tun Dato' Seri juga merupakan ahli dalam National Brains Trust yang ditubuhkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, Panel Penasihat Majlis Sukan Kebangsaan, dan Pemegang Amanah untuk Yayasan SP Setia. Pada tahun 2004, beliau dilantik sebagai ahli Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi pasukan Polis DiRaja Malaysia.

Pada 5 September 2007, beliau telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan dan dinaikkan pangkat ke jawatan Presiden Mahkamah Rayuan pada 11 Disember 2007. Pada 18 Oktober 2008, beliau telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara. Beliau juga diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi pertama Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman pada 16 Februari 2009.

Sesungguhnya, Tun Dato' Seri bukan sahaja dikenali kerana sumbangan dan jasa beliau dalam pelbagai bidang di negara ini, malah beliau turut dikenali di peringkat antarabangsa terutamanya melalui kejayaan beliau menurunkan jumlah kes tertunggak di mahkamah dalam tempoh kurang dari tiga tahun ketika beliau masih memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Negara. Sungguhpun menerima kritikan hebat dari pengamal undang-undang pada peringkat awalnya, usaha beliau memperkenalkan prosedur-prosedur baru untuk mempercepatkan proses mahkamah kemudiannya telah menunjukkan kesan bukan sahaja dalam melicinkan perjalanan kes, malah mempercepatkan pelupusan kes seterusnya menambahkan keyakinan masyarakat terhadap proses mahkamah itu sendiri.

Sememangnya Tun Dato' Seri melakar kejayaan peribadinya yang tersendiri apabila beliau akhirnya mengubah landskap kehakiman negara menjadi sebuah sistem kehakiman yang terpantas di dunia. Sebagaimana yang dilaporkan oleh Bank Dunia dalam laporan bertajuk *Malaysia Court Backlog and Delay Reduction* Program pada Ogos 2011, transformasi yang dilaksanakan oleh badan kehakiman Malaysia untuk menjadi sebuah sistem kehakiman yang berkesan sewajarnya menerima pujian. Pencapaian tersebut turut diiktiraf oleh negara-negara Komanwel yang lain apabila ramai hakim dari negara-negara tersebut merujuk sistem kehakiman negara ini sebagai model sistem yang perlu dicontohi.

Tun Dato' Seri bersara sebagai Ketua Hakim Negara pada 12 September 2011 dan digantikan oleh Yang Amat Arif Tun Ariffin Zakaria. Walaupun begitu, sumbangan beliau tidak terhenti setakat itu. Selepas persaraannya sebagai Ketua Hakim Negara, beliau terus aktif menyumbang khidmat dan kepakaran beliau kepada masyarakat.

Terkini, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, dan Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus Korporat dan Nominasi di bawah Lembaga Pengarah Astro Malaysia Holdings Bhd. Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah SP Setia Bhd. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam.

Selain daripada penglibatan dalam industri, beliau turut menyalurkan khidmat ke arah pembangunan akademik di negara ini. Beliau kini memegang kerusi Canselor di dua buah pusat pengajian tinggi, iaitu di Kolej Universiti MAHSA dan Universiti Multimedia. Beliau juga telah dilantik sebagai Profesor Adjung di Universiti Teknologi Mara, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Sultan Zainal Abidin.

Walau di mana sahaja berada, beliau tidak lokek menyalurkan sumbangan demi pembangunan pendidikan negara terutamanya dalam jurusan undang-undang. Di Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) UniSZA, beliau bukan sahaja merupakan salah seorang Profesor Adjung, malah beliau juga secara langsung merupakan ahli Jawatankuasa Penasihat Fakulti. Perhatian dan tumpuan beliau dalam pembangunan anak-anak muda dalam pengajian undang-undang terutamanya turut dibuktikan dengan kesudian beliau menjadi Penaung Persatuan Pelajar Undang-Undang Asian atau Asian Law Students Association (Malaysia).

Selain menyampaikan syarahan dan bimbingan kepada para pelajar, beliau turut berbesar hati menyumbang dana pendidikan kepada UniSZA melalui YAYASAN Tun Azmi khusus bagi tujuan pembangunan pelajar undang-undang di UniSZA.

Beliau juga adalah penerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia pada Majlis Konvokesyen ke-40, atas sumbangan dan jasa beliau ini dalam dunia perundangan serta kehakiman.

Tun Dato' Seri telah berkahwin dengan Toh Puan Datin Seri Nik Sazlina Mohd Zain dan telah dianugerahkan dengan empat cahaya mata iaitu Dzofrain Azmi, Razif Azmi, Azri Azmi and Azfar Azmi.

Penerima Ijazah Dr Kehormat Pengurusan

Tan Sri Dato' Seri Haji Arshad Ayub

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Haji Arshad Ayub ialah seorang ikon dalam pendidikan, pengurusan, keusahawanan, korporat dan kewangan di Malaysia. Untuk mencapai kejayaan pada tahap ini pelbagai dugaan dan cabaran telah diharungi. Kemiskinan dan kesusahan yang dihadapi tidak menjadi penghalang malah menjadi pendorong untuk membaiki taraf hidup.

Anak seorang penoreh getah ini dilahirkan 84 tahun lalu pada 15 November 1928 di Parit Keruma Laut, Muar, Johor Darul Takzim. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Parit Keruma, Muar, sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Inggeris Kerajaan juga di Muar, Johor. Kemudian beliau telah melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya, Singapura (1949-1951), Kolej Pertanian Serdang, Selangor (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia) pada 1951-1954. Seterusnya beliau telah melanjutkan pengajian di University College of Wales, Aberystwyth, United Kingdom pada 1954-1958 dalam jurusan ekonomi dan statistik. Beliau kemudiannya mengikuti program pasca siswazah pengajian perniagaan di Institut Pembangunan Pengurusan (IMEDE) Lausanne, Switzerland (1963-1964).

Kisah bagaimana Tan Sri Dato' mengalami liku-liku hidup dalam memperoleh kejayaan sebagaimana sekarang, boleh dijadikan pengajaran dan teladan. Ketika meletusnya Perang Dunia Kedua, pendidikan Tan Sri semasa di Sekolah Inggeris telah terhenti. Beliau hanya dapat belajar di sekolah tersebut selama enam bulan sahaja dan terpaksa berhenti untuk membantu menyara keluarga selepas bapa beliau meninggal dunia. Tan Sri pernah bekerja sebagai pengayuh beca roda tiga, pengandar dan penjual kelapa, penjual kayu api dan pernah menjadi buruh di Jabatan Perhutanan. Beliau menyambung semula pengajiannya selepas perperangan tamat. Kenangan pahit yang tidak dapat dilupakan oleh beliau semasa membesar ialah apabila ibunya terpaksa menjual satu-satunya tanah yang dimiliki semasa pemerintahan Jepun untuk membeli makanan keluarganya. "Pada hari itu kami betul-betul makan besar di kedai mamak di Muar, pertama kali dalam hidup kami." Beliau mengenang.

Namun, kekecewaan yang tidak dapat dilupakan sehingga ke hari ini ialah apabila ibunya meninggal dunia sebelum sempat merasa hadiah yang ingin diberikan iaitu gajinya yang pertama sebanyak RM130 sebagai guru sementara. Beliau bertekad untuk menggantikan kehilangan tanah ibunya yang terjual itu. Sekembalinya dari England, beliau membeli sekeping tanah

di Muar berharga RM2,000 menggunakan wang simpanan biasiswa yang diterima semasa belajar di Wales. Beliau berjimat menyimpan 100 pound setiap tahun di samping menghantar RM70 setiap akhir bulan untuk perbelanjaan adik-adiknya di kampung. Pembelian tanah di Muar merupakan langkah permulaan penglibatan beliau dalam pelaburan tanah. Beliau adalah seorang usahawan dan ahli perniagaan yang berjaya.

Sehingga kini beliau masih lagi aktif dan banyak berkecimpung dalam perniagaan serta menjadi ahli lembaga pengarah beberapa syarikat awam dan badan-badan berkanan seperti Universiti Malaya (Pengerusi LPU), Kolej Tuanku Jaafar (Governor), Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Johor (ahli), Lembaga Bistari Johor Berhad (ahli), Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd. (ahli), UiTM (Pro Canselor semenjak 31 Mac 2000) dan KPJ International University College of Nursing & Health Sciences (Canselor semenjak Ogos 2011) di samping menjadi pengarah atau pengurus dalam pelbagai syarikat.

Tan Sri Dato' Haji Arshad banyak terlibat dalam perancangan agenda pembangunan negara khususnya pada era selepas kemerdekaan yang menjadi teras pentadbiran Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau berpengalaman luas dalam urusan pentadbiran awam negara dengan memegang jawatan-jawatan penting dalam pelbagai kementerian mahupun jabatan. Beliau pernah memegang jawatan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Penolong Pengurus Besar Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha di Kementerian Industri Utama; Kementerian Pertanian dan Koperasi; dan Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah. Beliau juga terlibat secara langsung dengan Perbadanan Pembangunan Wilayah seperti DARA, PERDA, KEDA, KESEDAR dan KEJORA.

Tan Sri Arshad Ayub merupakan pengarah pertama Institut Teknologi MARA (ITM) dari tahun 1966-1975 yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau telah banyak berjasa dalam memperkasa ITM sebagai institusi yang diamanahkan untuk mewujudkan para profesional dalam kalangan anak-anak Melayu di Malaysia. Beliau dikenali sebagai orang yang bertanggungjawab dalam pembangunan UiTM. Bagi mengenang jasa beliau, UiTM telah menubuhkan Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS) yang menjadi pusat pendidikan, pengajaran dan penyelidikan yang terkenal di samping memberi sumbangan kepada masyarakat



di peringkat negara dan antarabangsa.

Walaupun sudah 50 tahun berlalu, Tan Sri Dato' Haji Arshad masih diakui sebagai Pengarah (atau dalam istilah sekarang Naib Canselor) tersohor institusi pelajaran bumiputera itu. Beliau amat dihormati dan disanjungi oleh bekas-bekas pelajarnya hingga ke hari ini. Sebagai mengenang jasa beliau, Tan Sri telah dianugerahkan oleh Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), satu badan NGO dengan Anugerah Bintang Pahlawan Pribumi Perkasa pada 29 Julai 2012, serta diangkat sebagai Bapa Modal Insan Pribumi Negara. Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali mengatakan, "Tanpa Arshad, tidak mungkin UiTM dan graduan yang dilahirkan oleh gedung ilmu itu boleh berada pada kedudukan sekarang, sehingga ramai antara mereka muncul sebagai tokoh Melayu berjaya."

Pada 1 September 2012, UiTM telah memberi anugerah Tokoh Sebaran Gemilang kepada Tan Sri. Baru-baru ini, KDYMM Sultan Selangor telah melancarkan Yayasan Arshad Ayub bertujuan membantu pelajar bumiputera yang memerlukan bantuan kewangan untuk pendidikan. Tan Sri Dato' Haji Arshad Ayub dikurniakan pelbagai pingat oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk Brunei. Beliau juga banyak menerima anugerah akademik dari dalam dan luar negara termasuk Amerika Syarikat.

Namun begitu, anugerah yang paling berharga dalam hidup beliau tidak lain tidak bukan adalah isterinya iaitu Datin Sri Zaleha yang dikahwin pada 29 Disember 1960. Beliau dikurniakan tujuh orang cahaya mata, lima lelaki, dua perempuan dan kini Tan Sri bahagia menjadi datuk kepada 27 orang cucu iaitu 18 orang cuci lelaki dan sembilan orang cucu perempuan.

Statistik Graduan 2012

Fakulti/Pusat	Program	Jumlah
Pusat Pengurusan Siswazah	Doktor Falsafah Sarjana Sains Sarjana Sastera	1 5 6
	Jumlah	12
Bahasa Dan Komunikasi	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)	38 61
	Jumlah	99
Informatik	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan Kepujian Diploma Teknologi Maklumat Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia)	45 23 17
	Jumlah	85
Pengajian Kontemporari Islam	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah) dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Dengan Kaunseling dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi Dan Dakwah) dengan Kepujian Diploma Pengajian Islam (Al-Quran Dan As-Sunnah) Diploma Pengajian Islam (Bahasa Dan Kesusteraan Arab) Diploma Pengajian Islam (Dakwah) Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam) Diploma Pengajian Islam (Syariah) Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)	104 57 64 38 81 70 58 29 35 29 68 67
	Jumlah	700
Pengurusan Perniagaan Dan Perakaunan	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam)dengan Kepujian Diploma Kewangan Diploma Pemasaran Diploma Pengajian Bank Diploma Pengajian Insurans Diploma Pengurusan Sumber Manusia Diploma Perakaunan Diploma Perdagangan Antarabangsa	53 66 41 36 37 26 38 46 36
	Jumlah	379
Pertanian Dan Bioteknologi	Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian Ijazah Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan	40 24
	Jumlah	64
Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi	Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian dengan Kepujian Diploma Reka Bentuk Perindustrian Diploma Teknologi Makmal Perubatan	21 17 21
	Jumlah	59
Perubatan dan Sains Kesihatan	Diploma Radiografi Diploma Sains Kejururawatan Diploma Teknologi Makmal Perubatan	26 46 25
	Jumlah	97
Teknologi Makanan	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan	39
	Jumlah	39
Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa	Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian Diploma Undang-Undang	46 29
	Jumlah	75
Jumlah Keseluruhan		1609

Antropologi: Antara Tuntutan Ilmiah dan Kerjaya

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin

Dilaporkan oleh: Zurina binti Mansor

Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan satu program Syarahan Akademik yang disampaikan oleh Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin pada 24 Oktober 2012 bertempat di Auditorium Blok Akademik, UniSZA.

Syarahan ini dimulakan dengan rungkaiannya sejarah tentang asal usul ilmu antropologi diperkenalkan di Malaysia. Pada tahun 1969, apabila berlaku peristiwa 13 Mei, banyak kerisauan timbul untuk mencari jalan membina perpaduan dan integrasi di Malaysia. Satu pasukan profesor dari Amerika Syarikat yang dibiayai oleh Ford Foundation datang ke Malaysia untuk memberi pandangan tentang tindakan berkait dengan pembangunan akademik dan sosial yang perlu diambil oleh kerajaan Malaysia untuk membina negara Malaysia yang bersatu padu.

Berdasarkan laporan yang dibentangkan, dari segi pembangunan akademik, kerajaan Malaysia mesti memperkenalkan lima subjek baru yang bersifat sains sosial, iaitu antropologi, sosiologi, sains politik, psikologi dan komunikasi. Ketika itu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) diberi tanggungjawab untuk mengajar kelima-lima subjek tersebut. Ini bertujuan untuk menghalang Malaysia daripada menghadapi masalah perpecahan atau konflik perkauman kerana ketika itu berlaku Perang Vietnam yang dikhuatiri akan menyebabkan maranya pengaruh komunis ke Cambodia, Thailand dan Malaysia. Sekiranya berlaku lagi keganasan seperti peristiwa 13 Mei, ini membuka ruang yang luas kepada pihak komunis untuk mengambil alih Malaysia. Susulan daripada itu, kumpulan pertama yang mengambil subjek antropologi dan sosiologi bermula pada tahun 1970.

Memandangkan ilmu antropologi ini merupakan ilmu asas dan penting, maka, sepuluh universiti terbaik di dunia tidak terkecuali menawarkan kursus tersebut. Ini kerana ia merupakan subjek asas untuk menyediakan seseorang itu ke dunia luar yang memerlukan kepada pengetahuan tentang perilaku manusia, sistem masyarakat, dan budaya. Misalnya Steve Job dari Apple Inc., dalam usaha memasarkan produk yang diciptanya, beliau mengutamakan kehendak bakal pembeli, dengan mengkaji latar belakang dan kehendak pengguna. Ini memberi gambaran bahawa pengetahuan antropologi yang dianggap remeh dan tidak penting sebenarnya menentukan berjaya atau gagalnya sesbuah badan korporat.

Antropologi merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji tentang manusia, masyarakat dan kebudayaan. Secara terperincinya kajian tersebut melibatkan manusia dan kepercayaan, biologikal dan sosial, sejarah perkembangan tamadun, bentuk lapisan masyarakat, masalah sosial, kebudayaan, cara hidup, adat istiadat, adat resam, rancangan pembangunan, demografi, keluarga, sistem nilai dan sebagainya. Ini merupakan kekuatan ilmu antropologi yang sentiasa relevan sepanjang masa kerana mendasari ilmu-ilmu lain.

Oleh itu, ilmu antropologi ini merupakan ilmu asas bagi graduan antropologi yang memberi ketrampilan atau kemahiran dari pelbagai aspek budaya dan perilaku dalam dunia kerjaya yang akan ditempuhi. Selain itu, antropologi juga memberi kefahaman berkaitan dengan perilaku silang budaya kerana dalam kehidupan sebenar, kita sentiasa berinteraksi dengan pelbagai perkara yang bersifat silang budaya. Konsep silang budaya yang sentiasa dihadapi dalam dunia realiti perlu difahami dan ditangani.



Graduan antropologi tidak hanya terbatas untuk memilih kerjaya sebagai ahli akademik dalam bidang berkenaan sahaja tetapi juga boleh meluaskannya dalam bidang sains sosial yang lain. Selain bidang akademik, peluang kerjaya lain juga mempunyai ruang untuk graduan lulusan bidang ini. Misalnya pemasaran, pengiklanan, pengurusan dan sebagainya. Sebagai contoh, Yasmin Ahmad adalah seorang pakar pengiklanan yang mempunyai latar belakang dalam bidang antropologi yang sangat kuat. Sebelum menghasilkan sesuatu iklan, Petronas misalnya, beliau akan mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli antropologi, untuk menonjolkan nilai-nilai kemanusiaan dan budaya dalam iklan yang dihasilkan.

Selain itu, lulusan antropologi juga sangat diperlukan dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO), terutamanya NGO yang memperjuangkan hak asasi dan masyarakat. Banyak NGO diketuai oleh individu yang rapat dengan masyarakat, misalnya Mercy Malaysia yang bukan sahaja terdiri daripada pakar-pakar perubatan tetapi juga melibatkan graduan antropologi dan sains politik dengan tujuan untuk mengenalpasti budaya dan politik masyarakat yang akan dibantu di sesebuah negara. Begitu juga dengan badan dunia, misalnya United Nation dan UNESCO. Namun para graduan tidak boleh mengharapkan peluang tersebut datang bergolek. Persediaan yang rapi, usaha yang berterusan dan bijak merebut peluang perlu sentiasa ditanam dalam diri masing-masing untuk sampai ke tahap tersebut.

Universiti juga boleh memainkan peranan untuk membantu para graduan dengan mengadakan kursus-kursus berkait dengan persediaan menghadapi alam kerjaya kepada para pelajar tahun akhir. Ini penting kerana ia merupakan struktur ilmu yang boleh menyokong sesuatu program memandangkan semua bidang kerjaya melibatkan manusia, masyarakat dan budaya. Oleh itu, asas ilmu antropologi yang dimiliki boleh disesuaikan dengan kepentingan dan juga minat. Apa yang cuba digambarkan dalam syarahan ini adalah skop dan peluang ilmu serta kerjaya bagi graduan antropologi begitu luas, tetapi perlu disokong dengan usaha, keupayaan dan potensi yang berterusan untuk berjaya dalam kerjaya yang dipilih.

Thai-Malaysian Border Region: Learning about Cultural Similarities and Differences

Prof. Dr. Mohammed Yusoff Ismail

Reported by: Mohamad Hafis Amat Simin

The First Conference on ASEAN Cultures and Modern World (CAC1) was held October 13, 2012 at Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu with the theme "Harmony in ASEAN Community: One Vision, One Identity, One Community". ASEAN Community was one of the topics stressed in the conference.


Prof. Dr. Mohamed Yusoff Ismail, a professor of anthropology and consultant at Open University Malaysia (OUM), addressed *Thai-Malaysian Border region: Learning about Cultural Similarities and Differences* in his keynote address. The ASEAN region is indeed an interesting configuration of various cultures that inform each other in terms of belief system, language and traditions. The talk began Jeanne Cuisinier, a French anthropologist who had been to Kelantan and perhaps to other places in southern Thailand during the early part of the last century. She was among the first to record on the fact that there was a lot of cross-culture borrowing between the Malays and the Thais. It is of no surprise, because the geographical area between Kra Isthmus and the border of Kelantan and Terengganu is actually home to a mixture of cultures and religions. It is a plural peninsula with a continuum of various culture.

We also cannot ignore the wider kinship network between southern Thailand on one side, and the northern states of Malaysia on the other. A large number of people on both sides can trace their lineage to ancestors in various parts of Southern Thailand. A great number of famous *ulama* in Malaysia, for instance, have ancestral connections with relatives not only in southern Thailand but also in Bangkok and the central region. The same is true for some of the royal families on the Malaysian side of the border.

There are various settlements of Siamese Buddhist community in Kelantan and northern Terengganu that were setup more than 100 years ago. They also have kinship ties with those in southern Thailand especially in the land settlement schemes in Narathiwat province, mainly in the land settlement schemes such as Nikhom Kilo Sam and Nikhom Mae Luang, to name a few.

People move back and forth across the border to visit their relatives particularly during peak festive seasons. There are regular exchanges of visits on both sides during major temple celebrations and ordination ceremonies. The existence of a political boundary between Thailand and Malaysia, formally drawn under the Anglo-Thai Treaty of 1906, does not seem to restrict the flow of people, cultural elements and goods back and forth across the boundary. Official checkpoints are functioning, but they are seen more as a bothersome formality since there are many more unofficial crossings that one can use.

Malaysia and Thailand share many cultural elements with each other, the majority of which seemed to have emanated from the same source, especially of Indian and Brahmanic



origin, where we borrow the same lexicon and mannerism for ritual practices, sacred language, court ceremonies, performing arts, sorcery and curative magic. The entire region of Southeast Asia has also been subjected to influences from other great civilizations, including those of China, the Middle East and Europe. But the high degree of syncretisation at the local level makes cultural practices in both countries acquire their own distinctiveness.

For instance, most of the words used in the royal and religious lexicon of the Thais and the Malays are borrowed from similar Sanskrit vocabulary, but pronounced differently. Sanskrit and Pali provided the linguistic storehouse for both Malay and Thai languages. Later on, when Islam came to the region Malay vocabulary was further enriched with Arabic terms.

There has been a large degree of cross borrowing of words as a result of contact between two cultures. Many Malay words, especially those in the Kelantan and Patani dialects are borrowed from Thai. Works by Dr Ruslan Uthai and other scholars further indicate that both Thai and Malay vocabularies are also very much influenced by Khmer language, especially agricultural terms.

According to Amorn Thewisap, the Malay language, especially known as the Patani Malay (*Bahasa Melayu Patani*), is widely used not only in the three southern provinces closest to Kelantan, but it is also understood in other areas such as Songkhla, Setul, Nakhon Sri Thammarat, Kerabi, Phuket, Phatthalung, Terang and Suratthani. It is also used in the central region including Bangkok, Samutprakan, Nonthaburi and Pathomthani.

Apart from linguistic sharing, there are certain elements of the Malay belief system that are similar to those of the Thais, particularly the ones associated with ritual practices that fall outside the realm of real Buddhism and Islam, such as the belief in the guardian spirits of the land and propitiation of the spirit of the dead, and magical healings. Among the Malays, the practice of placating the spirit of the sea (*puja pantai*) and other celestial beings (*semangat*) were quite

common until recently. Both Thais and Malays use similar vocabulary for sorcery and curative magic and resort to nearly the same pantheon of supernatural beings, including ghosts and spirits.

The mode of operation of these activities are almost the same, except that if it involves the use of sacred words, the Thais would resort to Buddhist mantra, while the Malays would resort to verses from the Quran. Despite these, one can trace many words of Indic origin under interlaced with Arabic words being uttered during magical séances and healing sessions.

Suthiwong Phongbaibun (2004) mentions that the rituals revolving around rice growing, or the “rice culture,” governing beliefs in rice-spirits (*khwan khao*) are quite common among Malays and Thais alike. Some ceremonies involve the use of *bai srior* leaves of the *sireh* vines (betel leaves; scientific name: *piper bifle*; family: *Piperaceae*). The habit of chewing the leaves together with areca nut, is very common among the older generations of both ethnic groups. So are the offerings of trays of betel leaves together with betel nut during engagement and wedding functions. During life-cycle rites we can see *khao khwan* or *nasi semangat* being widely used.

At the formal level, Islamic elements in Malaysia and Buddhist elements in Thailand seemed to head in different directions. But there are commonalities. If we look closer there are sanskritised elements that govern local practices of the belief system, such as the reverence for the guardian spirits of the land, propitiation of the departed, magical healings, not to mention social and family values garnered from story lines and popular love themes of Ramayana and Mahabharata epics.

The commonalities can also be found in the royal ceremonies where both cultures adopt similar patterns, with the same lexicon and mannerism, one justified by Buddhism and Brahmanism, the other by Islam. The Malay wedding ceremony is known to incorporate Indian as well as Buddhist elements, two of the most prominent being “sitting on the dais” (*bersanding*) and the sprinkling of scented water on the palms of the wedded couple as they sit on the decorated chairs. The idea of using water for the rite, I suspect, could be of Buddhist origin, definitely not Hindu. As the newlyweds needed some kind of blessing from a religious source, they would look up to the temple. But monastic rules (*phra vinay*) prohibit monks from attending wedding ceremonies. Nevertheless, sacralised water (*nam montr*) was sent off and used as a symbol of monastic blessing.

When Islam arrived in the region the water element remained, although it was no longer sourced from a Buddhist temple. It is often substituted with rose-scented water instead; and appended with prayers in the Arabic language, and sacralised in the Islamic context. The influence of India through Thailand does not end there. The storylines and popular love themes of Ramayana and Mahabharata epics, Hanuman and Sita Dewi, also have prominent influence on the Malay value system. These values are transmitted indirectly through the performance of folk theaters like *wayang kulit*, *manora*, and *mak yong*. The themes of these theaters always revolve around cultural and social values; respect for elders, loyalty to the king, honesty, trials and tribunals of true love. Southern Thailand shares similar forms of performing arts with Kelantan and Kedah, like *manora*, shadow puppet theatre (*wayang kulit*, *wayang gedek*) and *dikir barat*. However, there is a marked difference in their respective contents. In Southern Thailand *wayang kulit* and *dikir barat* serve as a direct form of expression of everyday problems – rejected romances, blind dates, obese wives, naughty husband, gambling and

unemployment. The contents are often very suggestive and lurid, humorous, and above all very entertaining, serving the taste of ordinary people, and not just to please the political elite.

Social and religious life in the border areas tend to be influenced by the extent of rigidity of the authority. When things are tough on one side of the border, one can always seek solace and comfort by crossing to the other side. For instance, if you find it difficult to get permission from the religious department to have an additional wife, there is always the option for you to cross the border with your wife-to-be, have the matrimonial rites quickly done, and cross back into Malaysia in good time well before dawn, hopefully before the first wife wakes up.

Muslim marriage conducted in Sungai Golok, Danok, Hatyai and other places in southern Thailand is *syariah* compliant—it fulfills all the basic religious requirements. But in Malaysia there are additional rules imposed by the religious bureaucracy if you are planning to take another wife. But you make good of the breach of law by paying a hefty fine before the authority gives you a legal endorsement of the certificate you get in Thailand, speedy-Gonzales style.

This general rule applies not only to people but also to goods and services. Custom-approved lists are one thing, but there are other goods not necessarily on the list that flow freely across the boundary in both directions. Suddenly you chance upon sacks of rice, baskets of chicken, herds of cows, bales of clothes and baskets of fruits on the Thai side of the riverbank, awaiting the right time to make a dash across the boundary at various unofficial crossings along the entire bank of the Golok river, beginning from the upper reaches of Bukit Bunga right down to Takbai on the estuary. On the Malaysian side, you could see drums of diesel, containers of cooking oils and packets of sugar being piled up on the river bank, also waiting for the right moment.

The term “smuggling” is not be used by the locals for these activities, however, the customs department does. These activities have been part of local livelihood for generations. We are not sure how many people are actually involved, but if we were to close down all the illegal crossings and send soldiers to stand guard 24 hours a day, then we would be heading for a major economic disaster in the border region. Of course the customs department would conduct occasional raids to make its presence felt and to prove that its officers are doing their job. But after the raids and after the journalists have returned to their office, business is back as usual.

The border region is a good example of extensive cultural mixing where people, goods and cultural elements flow freely back and forth across the political divide, including the more mundane items of necessity like rice, chicken, cows, diesel, and cooking oil. What cannot be traded legally finds its way across the border in various forms and disguises, including the highly desirable matrimonial certificates, *syariah* compliant no doubt, but frowned upon by the rigid religious bureaucracy in Malaysia. The region south of Nakhon Si Thammarat exhibits a plural phenomenon that brings forth diversity in culture and traditions, coexisting side-by-side, sometimes harmoniously, and sometimes not so. The physical boundary between Thailand and Malaysia looks more like a bothersome formality for a pluralistic cross-border community that shares many things in common.



Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)

HEPA – Sepintas Lalu

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) merupakan satu komponen yang amat penting dalam pentadbiran universiti. Bahagian ini diketuai oleh seorang Dekan (Hal Ehwal Pelajar) yang bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal pelajar berkaitan pelaksanaan aktiviti-aktiviti persatuan, kurikulum, tatatertib, kaunseling, kesukanan, kebudayaan, penempatan, pengurusan kewangan pelajar, kemajuan akademik, kebajikan pelajar dan lain-lain.

HEPA bertanggungjawab memberikan perkhidmatan tentang kebajikan dan kemajuan pelajar. Ia membantu merealisasikan visi dan misi universiti dan menjadi pemangkin ke arah membentuk pelajar yang berilmu, berketrampilan, berakhhlak dan progresif dalam usaha melahirkan pemimpin yang mempunyai kemahiran sebagai pemimpin glokal. Antara pusat/unit yang bernaung di bawah HEPA ialah:

1. Pusat Sukan
2. Pusat Kokurikulum
3. Unit Pengurusan Intelektual dan Tatatertib Pelajar
4. Unit Hubungan Luar dan Alumni
5. Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan
6. Unit Perumahan dan Kebajikan Pelajar
7. Unit Pengurusan Kewangan Pelajar
8. Unit Aktiviti, Latihan dan Kerohanian Pelajar
9. Unit Kaunseling dan Kerjaya.

Visi

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) berhasrat melahirkan siswazah yang berilmu, berketrampilan, berakhhlak mulia dan progresif dalam kerangka pembangunan modal insan selari dengan visi dan misi universiti untuk melahirkan ‘pemimpin’ bertaraf dunia.

Misi

Untuk menyedia, membina dan mengembangkan aspek perkhidmatan serta pembangunan pelajar yang terbaik dan berkesan bagi melahirkan siswazah yang cemerlang serta berdaya saing seiring dengan hasrat universiti.

Matlamat

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni merupakan salah satu bahagian yang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan secara langsung kepada pelajar-pelajar. Bahagian ini berperanan memastikan sistem pendidikan dapat direalisasikan menerusi aktiviti kurikulum yang merangkumi sukan, riadah, budaya, seni dan kepimpinan. Selain itu ia juga berperanan sebagai penasihat dalam menguruskan aspek kebajikan pelajar bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani demi faedah insan.

Peranan

1. Menjaga keharmonian, kebajikan, kerohanian, keselamatan dan kesihatan mahasiswa/i.
2. Membantu mewujudkan satu masyarakat mahasiswa/i yang berdisiplin, bertanggungjawab, sihat, cergas, cerdas serta memiliki daya saing dan semangat juang yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan dan kegemilangan.
3. Mewujudkan mahasiswa/i yang bertanggungjawab terhadap diri, agama, bangsa dan negara.
4. Melahirkan dan meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan organisasi mahasiswa/i.
5. Menjunjung dan menghormati aspirasi dan cita-cita negara.

Plagam Pelanggan

1. Memastikan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni sentiasa peka kepada keperluan mahasiswa/i universiti, masyarakat dan negara.
2. Memberi perkhidmatan yang terbaik kepada mahasiswa/i dengan meningkatkan kualiti pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan.
3. Melaksanakan program pembangunan sahsiah dan kepimpinan yang berkesan bagi melahirkan pemimpin ‘glokal’.
4. Memberi layanan yang sopan dan mesra.
5. Menjaga kebajikan, kepentingan dan keharmonian mahasiswa/i.

Pusat Sukan

Pusat ini bertanggungjawab mengelola, menganjur serta mengurus semua program yang berkaitan dengan sukan kepada pelajar dan kakitangan UniSZA. Sebagai unit yang berteraskan kecerdasan fizikal dan kecerdasan mental, pusat ini berperanan menggalakkan dan menerapkan budaya bersukan dalam kalangan mahasiswa/i dan kakitangan bagi merealisasikan budaya hidup sihat sama ada fizikal ataupun mental.

Pusat Kokurikulum

Pusat ini berfungsi untuk menyelaras aktiviti-aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di UniSZA. Ia berperanan untuk mewujudkan pendidikan yang menyeluruh dan seimbang, melatih dari aspek kepimpinan, mengasah bakat dan kemahiran diri bagi melahirkan graduan yang serba boleh, berdedikasi, beretika dan bertanggungjawab.

Unit Pengurusan Intelektual dan Tatatertib

1. Unit Pengurusan Intelektual dan Tatatertib merupakan salah satu daripada dua unit di bawah Seksyen Kokurikulum dan Hubungan Luar HEPA. Unit Pengurusan Intelektual berperanan memilih dan menguruskan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.
2. Unit tatatertib pula berperanan menguruskan tindakan tatatertib yang dikenakan terhadap pelajar yang didakwa atas kesalahan tatatertib. Ia juga berperanan mendidik pelajar untuk menjadi mahasiswa/i yang berdisiplin, menghormati kakitangan UniSZA dan patuh kepada arahan tatatertib universiti.

Unit Hubungan Luar dan Alumni

Unit ini berperanan mewujudkan program pembangunan pelajar selain membimbing aktiviti yang dijalankan oleh badan sekretariat yang wujud di dalam kampus. Ia juga bertanggung jawab terhadap segala hal berkaitan sekretariat yang berada di dalam kampus dan juga Alumni Universiti.

Unit Pengurusan Sumber Manusia & Kewangan

Unit ini berperanan mengatur, merancang, menyelia dan melaksanakan sistem pentadbiran, personalia dan kewangan keseluruhan organisasi HEPA.

Unit Perumahan dan Kebajikan Pelajar

Unit ini berperanan untuk menyelaras penempatan serta kemudahan penginapan mahasiswa/i dan menyelaras pentadbiran kolej-kolej kediaman pelajar. Selain itu ia juga bertanggungjawab bagi memastikan semua aspek berkaitan kebajikan, keselamatan dan kesihatan mahasiswa/i sama ada yang menginap di dalam atau di luar kampus dan begitu juga dengan kebajikan kakitangan-kakitangan.

Unit Pengurusan Kewangan Pelajar

Unit ini berperanan menyelaras serta mengurus biasiswa dan pinjaman kewangan pelajar dengan pihak penaja. Selain itu unit ini juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan khidmat nasihat kepada mahasiswa/i untuk mencari peluang-peluang penajaan dan memastikan semua mahasiswa/i mendapat tajaan. Ia menjadi tempat rujukan dalam hal-hal yang berkaitan penajaan dan pinjaman.

Unit Aktiviti, Latihan dan Kerohanian Pelajar

Unit ini berperanan menggalakkan mahasiswa/i aktif dalam aktiviti berorganisasi melalui kegiatan berpersatuan dan berperanan dalam memberi khidmat nasihat berkaitan aktiviti mahasiswa/i. Selain itu, unit ini turut mengendalikan segala bentuk kegiatan yang lebih terarah kepada pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) kepada mahasiswa/i UniSZA. Unit ini turut dipersiapkan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti, berketrampilan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Unit Kaunseling dan Kerjaya

Unit ini bermatlamat melahirkan graduan yang berketrampilan, berilmu, stabil dan harmonis dari aspek emosi dan spiritual. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh unit ini ialah kaunseling kelompok yang melibatkan isu-isu berkenaan dengan diri, keluarga, peribadi, sosial, kewangan dan lain-lain. Unit ini juga bertanggungjawab mengendalikan pelbagai program untuk perkembangan dan kemajuan akademik pelajar, pembangunan diri, kesejahteraan mental, kerjaya, kepimpinan dan lain-lain.





Pencapaian UniSZA dalam Kejohanan Sukan

Walaupun UniSZA merupakan antara IPTA termuda di Malaysia, namun, warganya tidak ketinggalan untuk turut sama mencipta kecemerlangan dalam bidang sukan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Untuk tahun 2012, tiga orang pelajar UniSZA telah berjaya mengharumkan nama UniSZA apabila terpilih untuk menyertai tiga kejohanan peringkat antarabangsa. Saudari Fatin Nadira Hassin yang menyertai World Archery University Championship di Sepanyol telah berjaya merangkul pingat perak untuk acara berpasukan, begitu juga dengan Saudara Noor Azizan Nor Azli yang turut menang pingat perak dalam kejohanan Karate-Do Asia Cup 2012. Saudara Mohd Rizal Helmy Anuar pula telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir dalam kejohanan 9th Asian

Indoor Rowing Championship di Korea Selatan.

Bagi peringkat kebangsaan pula, empat orang pelajar UniSZA telah mengharumkan nama UniSZA dalam lima kejohanan berbeza. Saudara Muhammad Shahiram Zali yang mewakili negeri Terengganu dalam Kejohanan Hoki Piala Tun Abdul Razak dan acara hoki bagi SUKMA telah berjaya merangkul pingat emas bagi kedua-dua kejohanan tersebut. Manakala tiga orang pelajar lagi yang turut mewakili SUKMA iaitu Saudari Siti Nor Sofia Roslam dan Saudari Siti Nurul Asiah Mahmod dalam acara memanah; serta Saudara Noor Azizan Nor Azli dalam acara karate-do, masing-masing membawa pulang pingat emas, perak dan gangsa.



Selain daripada kejohanan-kejohanan tersebut, UniSZA turut terlibat dalam kejohanan sukan yang lain seperti yang ditunjukkan dalam jadual dan carta di bawah.


Jadual HEPA 1. Pencapaian UniSZA dalam Kejohanan SUKIPT 2012

Bil	Sukan	Nama	Pencapaian
1.	Rowing (Berpasukan Lelaki)	Muhammad Azahir Jamaluddin Abdul Hadi Omar Muhamad Zailudin Abdullah Mohamad Hanif Azmi Ridzuan Mohamad Mohamad Firdaus Nordin Mohd Rizal Helmy Anuar Mohd Faisal Ramli Mohd Faiz Samsudin	Perak
2.	Rowing (Berpasukan Lelaki)	Mohd Norzulaidi Nordin Mohamad Azim Amhad Subandi	Gangsa
3.	Rowing (Berpasukan Wanita)	Balqis Norrazi Siti Hajar Borhan	Gangsa
4.	Menembak (Berpasukan Lelaki)	Mohd Arif Razalli Mohd Hanif Hamid Nur Muhammad Izzuddin M. Azwi	Emas
5.	Olympic Around Berpasukan (Lelaki)	Ardian Tangnga Mohd Syukri Zakaria Mohd amin Rahim	Perak
6.	Olympic Around Berpasukan (Wanita)	Siti Nur Sofia Roslam Siti Sabariah Mohd Shukri Nur Syazwani Ali Fatin Nadira Hassin	Perak
7.	Olympic Around Bercampuran	Fatin Nadira Hassin Mohd Hakhiki Mohd Kamro	Perak
8.	Olympic Around Individu (Wanita)	Siti Nurul Asiah Mahmod	Perak
9.	Team Compound Lelaki	Mohd Hakhiki Mohd Kamro Tuan Mohd Sharizad Tuan Mahmud Danial Misban Mohd Shafiq Najmi Mohd Suhaimi	Perak
10.	Olympic Around Campuran	Ardian Tangnga Siti Nurul Asiah Mahmod	Gangsa
11.	Individu Kumite	Nasuha Najmi Noor Azizan Nor Azli Mohd Shahzmir Sabidi Nur Maizatul Munirah Zukeri	Emas Gangsa Gangsa Gangsa
12.	Berpasukan Lelaki Kata	Mohamad Fadzil Sazili Mohamad Solhan Bukhari Mohamad Shahzmir Sabidi	Gangsa
13.	Berpasukan Lelaki Kumite	Noor Azizan Nor Azli Mohamad Shahzmir Sabidi M. Asyraf Jaapar Mohamad Solhan Bukhari Mohamad Fadzil Sazili Mohd Azeem Abd Hamid Mohd Thoha Ahmad	Gangsa

20 Fokus PTJ

Jadual HEPA 2. Pencapaian UniSZA peringkat MASUM 2012

Bil.	Kejohanan	Sukan	Pencapaian
1.	Kejohanan MASUM Siri 1, 2012	Taekwondo Ragbi 7's Sepak Takraw	1 Emas, 2 Gangsa 1 Perak (Naib Johan Shield) Tempat keempat
2.	Kejohanan MASUM Siri 2, 2012	Taekwondo Sepak Takraw Ragbi 7's	1 Perak dan 3 Gangsa Pusingan kedua Suku Akhir Shield
3.	Kejohanan MASUM Siri 3, 2012	Taekwondo Ragbi 7's Sepak Takraw	1 Emas dan 1 perak 1 Emas (Johan shield) Pusingan kedua
4.	Karnival MASUM Fasa 1, 2012	Memanah	3 Perak dan 3 Gangsa
5.	Karnival MASUM Fasa 2, 2012	Silat Ping Pong	2 Gangsa 1 Gangsa
6.	Kejohanan Olahraga MASUM 2012	Olahraga	2 Gangsa
7.	Kejohanan Rowing Kayak MASUM 2012	Rowing & Kayak	1 Emas, 1 Perak dan 4 Gangsa



Rajah HEPA 1. Pencapaian UniSZA dalam kejohanan sukan secara keseluruhan



Antara Aktiviti HEPA





Wawancara Bersama Dekan HEPA Dr. Abdul Hakim Abdullah

Terima kasih Dr. kerana sudi ditemuramah. Boleh Dr. ceritakan sedikit latar belakang dan sejarah perkhidmatan di UniSZA daripada pensyarah biasa sehingga dilantik sebagai Dekan HEPA?

Hubungan saya dengan kampus ini (UniSZA, kampus Gong Badak) bermula apabila saya mendapat tawaran untuk memasuki tingkatan empat di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) pada tahun 1984. Pada waktu itu, KUSZA masih menawarkan program persijilan iaitu SPM dan STPM bagi menjadi *feeder* kepada program-program diploma yang mula berkembang. Saya meneruskan pengajian di peringkat diploma di sini apabila tertarik dengan falsafah KUSZA dan pelbagai kunjungan pengiktirafan akademik KUSZA sama ada dari timur tengah atau barat.

Setelah menamatkan pengajian di Universiti al-Azhar saya mendapat tawaran daripada KUSZA untuk melanjutkan pengajian ke United Kingdom menerusi Skim Pensyarah Muda. Perkhidmatan saya sebagai tenaga akademik bermula pada tahun 1993. Menerusi skim latihan akademik KUSZA saya berjaya menamatkan pengajian di peringkat Sarjana pada tahun 1994 di Leeds University dalam bidang Pengajian Arab Moden dan PhD pada tahun 2004 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam.

Sepanjang berkhidmat di sini sebagai pensyarah, saya pernah diamanahkan untuk memegang beberapa jawatan pentadbiran iaitu Ketua Program Bahasa Arab, Pusat Bahasa (1995), Timbalan Dekan, Pusat Bahasa (1995-1998), Ketua Program Pengajian Siswazah, Pusat Pengajian Luar (2003-2004), Timbalan Pengarah KUSZA [Pembangunan dan Latihan] (2004- 2007), Dekan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (2007-2008), Pegawai Khas Kepada Naib Canselor (2008 hingga sekarang) dan Dekan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (2012 hingga sekarang).

Sebagai peneraju HEPA, tentunya tanggungjawab dan amanah yang diberi amat berat. Apakah misi Dr. untuk meningkatkan prestasi HEPA dari semua segi?

Dalam konteks meningkatkan prestasi HEPA dalam semua segi, bagi saya kemahiran pengurusan dalam kalangan semua ketua seksyen dan unit adalah amat penting termasuk dekan, timbalan-timbalan dekan dan ketua-ketua unit. Kemahiran ini melibatkan proses-proses perancangan, penyusunan, pengarahan, dan pengawalan usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan semua sumber organisasi untuk mencapai matlamat. Justeru, HEPA akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran pengurusan dalam kalangan warganya bagi memastikan pencapaian prestasi yang cemerlang. Kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan pengurusan seperti kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, komunikasi dan sebagainya turut dipupuk supaya akhirnya kita dapat merealisasikan satu budaya kerja yang boleh dicontohi dan dibanggakan. Saya berasa beruntung kerana apabila dilantik sebagai Dekan HEPA pada Februari 2012, mantan dekan terdahulu telah menyediakan platform yang mantap bagi HEPA bergerak dalam pasukan yang kukuh. HEPA mempunyai 92 orang kakitangan, 23 orang dari kumpulan pengurusan & profesional manakala 69 orang dari kumpulan sokongan. Saya amat gembira melihat kakitangan HEPA telah bekerja dengan semangat kekitaan dan saling membantu dalam menjayakan program-program besar HEPA seperti Minggu Mesra Siswa, Sukan Mahasiswa, Sukan Staf, Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar, Pesta Konvokesyen dan sebagainya.

Apakah senario dan cabaran yang dihadapi oleh Dr. dalam menerajui HEPA sehingga kini?

Saya tidak menghadapi kesulitan dalam menerajui HEPA memandangkan saya mendapat kerjasama yang sangat baik daripada Pengurusan Tinggi Universiti dan kakitangan sama ada HEPA atau pusat-pusat tanggungjawab yang lain. Saya juga dibantu dengan baik oleh Timbalan Dekan HEPA (Pembangunan dan Khidmat Pelajar), Dr. Mustafa Che Omar, dan Timbalan Dekan HEPA (Ko-Kurikulum dan Hubungan Luar), En. Shahzool Hazimin. Mahasiswa/i juga memperlihatkan komitmen yang tinggi untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah naungan HEPA. Beberapa aspek yang ingin saya tambahbaikkan lagi ialah keakraban antara semua warga UniSZA sama ada pensyarah, kakitangan dan mahasiswa/i. Saya yakin, menerusi aktiviti-aktiviti yang baik, kita dapat menjalinkan tali silaturrahim yang teguh dalam kalangan semua warga UniSZA. Apabila kita akrab antara satu sama lain kita pasti kuat dan dihormati.

Saya juga ingin melihat mahasiswa/i kita diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan lebih baik. Tahun 2012 menyaksikan beberapa orang mahasiswa/i kita berjaya mengharumkan nama negara dalam pertandingan perundangan di Dublin, reka bentuk di Perancis, sukan memanah di Sepanyol, konvensyen jaringan mahasiswa di Indonesia, jaringan belia Islam di Singapura, interaksi mahasiswa/i FTM dengan Chiang Mai Universiti dan interaksi mahasiswa/i FKI dengan Prince of Songkhla Universiti. Semoga tahun 2013 akan memberi lebih banyak peluang kepada mahasiswa/i kita untuk mengharumkan nama UniSZA sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa.

Alhamdulillah, pada tahun 2012 salah laku pelajar tidak banyak berlaku. Kes-kes yang dibawa ke Sidang Tata tertib Pelajar adalah berkaitan dengan salah laku semasa peperiksaan. Walaupun terdapat beberapa kes meniru, tetapi HEPA tidak memandang remeh akan perkara ini. HEPA akan berusaha untuk memberi kesedaran kepada mahasiswa/i tentang tanggungjawab mereka membentuk keperibadian yang murni, pencapaian akademik yang baik dan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi sebelum keluar sebagai graduan UniSZA. Pusat Ko-Kurikulum, Pusat Sukan, Unit Perumahan dan Kebajikan Pelajar dan Unit kaunseling akan memainkan peranan yang aktif bagi membantu mahasiswa/i membina kualiti sahsiah, akademik dan kemahiran insaniah yang mantap. Insha Allah, HEPA akan memperkasakan lagi aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kualiti sahsiah mahasiswa/i kita di samping mempunyai pencapaian akademik dan kemahiran insaniah yang membanggakan. Kita sedar bahawa nama baik UniSZA juga banyak bergantung kepada sejauh mana kualiti produk yang dihasilkan. Produk kita ialah mahasiswa/i kita. Jika tinggi kualitinya maka tinggilah pengiktirafan masyarakat terhadap kita.

Apakah usaha dan strategi yang dilaksanakan untuk memperkasa HEPA dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelbagai bidang?

Usaha dan strategi yang dilaksanakan bagi memperkasa pencapaian HEPA terbahagi kepada lima perkara utama iaitu merancang, melaksana dan menilai secara berterusan terhadap program pembangunan pelajar ke arah melahirkan pemimpin yang berkualiti, berilmu dan menguasai kemahiran insaniah secara menyeluruh; mengasah potensi diri pelajar yang merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi menjana kecemerlangan holistik menerusi aktiviti ko-kurikulum, sukan, jaringan luar dan kaunseling; memupuk budaya tinggi dan akhlak yang luhur dalam kalangan semua

pelajar dan staf HEPA ke arah membentuk generasi yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara; memastikan pembangunan fizikal dan sumber manusia di HEPA berjalan dengan efisien menerusi pengurusan yang terancang, sistematik dan mesra; dan merancang, mengawal dan menilai belanjawan tahunan HEPA secara berhemah dan menepati tatacara perolehan yang telah ditetapkan.

Majlis Perwakilan Pelajar merupakan platform yang akan dimanfaatkan sebagai badan yang akan bergiat aktif bagi meningkatkan pencapaian mahasiswa/i UniSZA. Saya yakin, tokoh pemimpin pelajar yang telah dipilih oleh mahasiswa/i ini dapat memainkan fungsi mereka dengan berjaya menerusi bahagian-bahagian yang telah dibentuk. HEPA juga sedang membantu sebuah pasukan dalam kalangan mahasiswa yang telah ditubuhkan hasil cetusan idea Dato' Zolkipli Abdul, Pengurus Lembaga Pengarah UniSZA. Beliau menginginkan supaya UniSZA turut mengurus mahasiswa-mahasiswa cemerlang. Kebanyakan kita hanya menumpukan kepada mengurus mahasiswa yang bermasalah atau kurang pencapaiannya. Sedangkan, mahasiswa/i dalam kategori *cream of the cream* juga perlu diurus supaya mereka boleh muncul sebagai pemimpin-pemimpin hebat pada masa akan datang menerusi latihan dan pendedahan yang dirancang oleh universiti. Saya amat yakin, menerusi bimbingan yang efektif, kita boleh melahirkan pemimpin yang terkenal pada masa akan datang yang terhasil daripada pasukan yang diberi nama *UniSZA Best Talent Group*.

Apa perancangan Dr. untuk masa hadapan HEPA?

Secara ringkasnya, saya berharap semoga dapat meningkatkan lagi pencapaian HEPA di peringkat antarabangsa menerusi aktiviti-aktiviti kepimpinan mahasiswa/i, kegiatan sukarelawan siswa, sukan, pertandingan akademik atau separa akademik, jaringan mahasiswa/i dengan mahasiswa/i di luar negara dan lain-lain. Disamping itu, kemudahan dan kebajikan mahasiswa dapat ditingkatkan seperti penambahan penginapan, surau, kemudahan sukan dan rekreasi, pencapaian wifi dan sekiranya ada peruntukan, saya bercadang untuk mewujudkan satu bangunan pusat kegiatan mahasiswa/i yang mampu meletakkan pejabat MPP, pejabat persatuan-persatuan mahasiswa fakulti, ruang mesyuarat, dewan serba guna mahasiswa, ruang sukan *indoor* dan sebagainya.

Selain itu, aspek kebajikan staf juga turut dititikberatkan. Saya sedar bahawa aktiviti-aktiviti HEPA yang melibatkan mahasiswa/i dan staf UniSZA sangat banyak. Ini memandangkan kita sering terlibat dengan pelbagai aktiviti kepimpinan, kaunseling, sukan, kebudayaan, kesukarelawanan, badan beruniform dan lain-lain sama ada dianjur oleh UniSZA, KPT maupun agensi-agensi luar. Keadaan ini sedikit sebanyak akan meletakkan staf HEPA khususnya di bawah tekanan kerja. Bagi meringankan tekanan yang dihadapi, HEPA akan berusaha memupuk persekitaran kerja yang harmoni, perasaan seronok dalam bertugas dan penghayatan kerja sebagai ibadah. Kita akan cuba untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan dalam menunaikan kerja masing-masing serta memberi ganjaran yang sesuai kepada staf sama ada berbentuk pemberian atau pun pengesyoran kenaikan pangkat bagi melahirkan rasa dihargai dalam kalangan staf.



Bengkel Bakeri UniSZA 2012

Fakulti Teknologi Makanan (FTM), dengan kerjasama Jabatan Pendaftar, telah berjaya menganjurkan Bengkel Bakeri untuk staf UniSZA. Memandangkan bengkel ini telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari staf UniSZA pada siri-siri yang lalu, Dekan FTM, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar telah mencadangkan agar bengkel ini diadakan sebanyak tiga siri sebelum bulan Ramadhan. Ini kerana tiada kekangan penggunaan Makmal Teknologi Makanan berikutnya cuti semester pelajar Sarjana Muda Teknologi Makanan. Bengkel ini telah berjaya direalisasikan pada 11 Julai 2012 (Siri 1), 16 Julai 2012 (Siri 2) dan 18 Julai 2012 (Siri 3).

Seramai 54 orang peserta menyertai bengkel yang dikendalikan oleh dua orang *demonstrator* dan dibantu oleh enam orang urusetia yang merupakan staf FTM.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan para peserta berkaitan teknik-teknik asas dan teknologi dalam penghasilan produk bakeri seperti roti, kek, biskut dan makanan pencuci mulut. Selain itu, untuk mempelajari asas pemprosesan produk bakeri iaitu merangkumi pemilihan bahan-bahan mentah, kawalan mutu produk, pembungkusan dan kebersihan.

Peserta juga telah belajar cara membuat ‘American Cheese Cake’, Biskut Coklat Cip, Roti (*Sweet Bun*) dan Kek *Fruit Flan*, di samping teknik dan petua membakar kek, kaedah yang betul mencairkan coklat dan perbezaan antara *Non Dairy Whipping Cream* dan *Dairy Whipping Cream* yang digunakan dalam pembuatan kek.



Bengkel ‘Briefings on Research Ethics’

Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UniSZA telah menganjurkan bengkel *Briefings on Research Ethics* pada 7 November 2012 bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, Jabatan Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para penyelidik UniSZA berkenaan kewujudan, tatacara dan prosedur permohonan etika penyelidikan yang melibatkan subjek manusia.

Seramai 57 orang peserta telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada ahli akademik serta pelajar-pelajar siswazah UniSZA. Slot ceramah telah dibahagikan kepada

dua sesi. Slot pertama telah disampaikan oleh Timbalan Dekan FPSK Prof. Dr. Zabidah Ismail, yang membincangkan tajuk *The UniSZA Human Research Ethics Committee (UHREC)*.

Slot kedua pula telah dikendalikan oleh Ketua PKKKH, Prof. Madya. Dr. Lua Pei Lin yang membincangkan tajuk *The National Medical Research Register (NMRR), Ministry of Health Malaysia (MOH)*.

Scara keseluruhannya, bengkel ini berjaya memberi pendedahan ringkas yang sangat bermanfaat kepada para peserta. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Dekan FPSK, Dato' Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif.



Bengkel Bina Upaya Penulisan Artikel Jurnal 2012

Pusat Penerbitan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan Bengkel Bina Upaya Penulisan Artikel Jurnal pada 13 Oktober 2012, bertempat di Sutra Beach Resort, Terengganu.

Bengkel yang dihadiri oleh peserta dari dalam dan luar UniSZA ini dikendalikan oleh dua orang fasilitator yang berpengalaman dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah, iaitu Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh dari ISDEV, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Encik Hasrom Haron dari Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bengkel dimulakan dengan syarahan yang disampaikan oleh Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh, berjudul *Menghasilkan Artikel Jurnal Bermutu*. Antara perkara yang ditekankan adalah sifat-sifat dan tujuan tulisan ilmiah serta isu-isu *Impact Factors*.

Seterusnya, peserta dibahagikan kepada dua kumpulan, masing-masing dikendalikan oleh Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh dan Encik Hasrom Haron. Setiap peserta diwajibkan membawa artikel masing-masing untuk dibentangkan dan dimurnikan dalam bengkel berkenaan secara intensif untuk diterbitkan sebagai artikel jurnal yang bermutu dan berimpak tinggi.





Pusat Pengembangan dan Khidmat Komuniti, UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Terengganu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan wakil pengusaha dari Selangor serta Terengganu telah menganjurkan Bengkel Fertigasi 2012 pada 8 Oktober 2012 bertempat di Batu Burok Beach Resort, Terengganu.

Bengkel kali ini dihadiri peserta dari agensi-agensi kerajaan iaitu dari UniSZA, Jabatan Pertanian, LPP, FAMA, MARDI, JPV, LKIM, KETENGAH dan beberapa pengusaha. Bengkel ini diisi dengan lima sesi ceramah serta perbincangan umum berkenaan fertigasi. Penceramah adalah terdiri dari wakil Jabatan Pertanian, LPP, FAMA serta wakil pengusaha Terengganu dan Selangor.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan daripada agensi kerajaan yang

terlibat dengan projek fertigasi Terengganu seperti Jabatan Pertanian dan sektor swasta di samping mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pengusaha.

Dalam bengkel ini juga, para peserta berbincang bagi mengenal pasti tanaman yang berpotensi untuk dikomersialkan dari perspektif kos pengeluaran, pemasaran dan potensi pendapatan yang akan diperolehi serta menghasilkan satu projek pemandu (*pilot project*) yang dapatdimajukan ke peringkat petani dengan pendapatan yang lumayan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Haji Asha'ari Idris, Pengurus Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Terengganu. Turut hadir pada majlis tersebut ialah, Dekan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi, Prof. Dr. Mat Zakaria dan kakitangan UniSZA.





Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Jabatan Pendaftar berusaha memastikan budaya kerja secara inovatif dan kreatif dikembangkan dan dibudayakan dalam kalangan warga UniSZA selaras dengan agenda transformasi negara yang berpaksikan penghasilan mutu perkhidmatan yang berinovatif dan kreatif. Siri 2/2012 bengkel ini yang diadakan pada 24-25 Jun 2012 bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak, melibatkan 30 orang peserta dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PT).

Tujuan penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi penerangan asas berkenaan pembentukan kumpulan KIK dan mencungkil bakat peserta dalam menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif.

Siri 3/2012 bengkel ini yang diadakan pada 10-11 Oktober 2012 lebih memfokuskan kepada kaedah persembahan dan kriteria pemarkahan KIK serta memberi peluang kepada peserta untuk membincangkan dan melaksanakan projek KIK. Adalah diharapkan agar lebih ramai staf yang melibatkan diri dalam aktiviti seperti ini pada masa-masa akan datang demi manfaat bersama.

Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun

Pada 11 Jun 2012, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Negeri Terengganu (JKKP) telah mengadakan audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perkhidmatan awam dan badan berkanun. Objektif utama audit ini dijalankan untuk melihat tahap pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturan di bawahnya selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha Negara Malaysia Bil UPTM 159/267/50 Kit 4 (46) bertarikh 24 Ogos 2004.

Bengkel Fakulti Reka Bentuk Inovatif & Teknologi (FRIT) telah dipilih sebagai lokasi lawatan sempena audit tersebut. Pihak JKKP UniSZA dan pengurusan FRIT telah mengiringi pihak audit JKKP Terengganu dalam memberikan penerangan berkenaan pengurusan keselamatan di bengkel FRIT.

Bengkel Pemurnian dan Dokumentasi Pelan Strategik FIT

Bengkel Pemurnian dan Dokumentasi Pelan Strategik Fakulti Informatik (FiT) telah diadakan pada 17 September 2012 bertempat di Gem Beach Resort, Batu Rakit. Bengkel yang melibatkan ahli pengurusan FiT dan kakitangan akademik yang berkaitan bertujuan untuk membincangkan pelan strategik fakulti melalui jabatan sedia ada bagi menetapkan sasaran petunjuk prestasi berdasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merangkumi penyelidikan, akademia, kepemimpinan, pengantarabangsaan, keusahawanan, pembelajaran sepanjang hayat, e-pembelajaran dan pembangunan holistik pelajar.



Bengkel Penataran Program Penyelidikan Ubi Gadong

Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu telah berjaya menganjurkan Bengkel Penataran Program Penyelidikan Ubi Gadong pada 24-25 September 2012, bertempat di Hotel Seri Malaysia, Kuala Terengganu.

Program ini telah dirasmikan oleh Dekan FPB iaitu Prof. Dr. Mat Zakaria dan dihadiri oleh kira-kira 40 orang penyelidik termasuk urusetia. Sebanyak 11 kumpulan penyelidikan yang diwakili oleh ketua penyelidik telah membuat pembentangan projek masing-masing. Program bermula jam 8.30 pagi pada 24 September 2012 dan berakhir jam 1.00 tengahari pada 25 September 2012.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk bertindak sebagai platform bagi membolehkan semua penyelidik daripada 11 kumpulan penyelidikan membentangkan perkembangan hasil penyelidikan ubi gadong UniSZA. Bengkel ini turut diadakan bagi memastikan penyediaan laporan interim ketiga kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang perlu dihantar pada bulan Oktober 2012 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pihak fakulti sangat berpuas hati dengan penganjuran program ini dan berharap bengkel seterusnya akan memantapkan lagi program penyelidikan ubi gadong ini.

Bengkel Pengenalan kepada MATLAB



Fakulti Informatik (FiT) telah mengadakan bengkel 'Introduction to MATLAB' selama dua hari pada 5-6 September 2012 bertempat di makmal komputer FiT, blok Anas. Bengkel ini telah memberi pendedahan kepada pensyarah di FIT bagi mereka yang menjalankan penyelidikan atau mengendalikan projek yang memerlukan pengaturcaraan komputer dan analisa data, juga bagi mereka yang tertanya-tanya perisian manakah yang lebih sesuai untuk melakukan tugasannya tersebut. Para peserta bengkel amat berpuas hati dan mendapat informasi yang berguna bagi keperluan pengajaran dan pembelajaran.

Bengkel Pengurusan Jenazah

Pada 13 Oktober 2012, Pusat Islam UniSZA (PI) telah menjemput Ustaz Mohd Ariff Tengah dari Pusat Urus Jenazah Islam (PUJI), Terengganu untuk menjayakan Bengkel Pengurusan Jenazah. Bengkel ini mencakupi lima siri iaitu ‘Pengurusan Forensik’, ‘Pengurusan Jenazah Mengikut Undang-undang’, ‘Pengurusan Bidang Kesihatan’, ‘Teori Pengurusan Jenazah’ dan ‘Praktikal Pengurusan Jenazah’.

Bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan dengan teknik pengurusan jenazah yang lebih sempurna serta melahirkan tenagamahir dan profesional dalam bidang pengurusan jenazah.

Bengkel yang disertai oleh ahli Sukarelawan Urus Jenazah Masjid UniSZA (SuaraMU) yang terdiri daripada sembilan orang kakitangan UniSZA, 66 orang pelajar UniSZA dan 25 orang masyarakat setempat bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Masjid UniSZA. Kelima-lima siri perkongsian ilmu tentang teknik pengurusan jenazah daripada penceramah ini telah banyak memberi input yang bermanfaat kepada para peserta. Diharap sesi perkongsian ilmu seumpama ini dapat dimanfaatkan oleh semua ahli SuaraMU dan majlis ilmu seperti ini dapat diadakan lagi pada masa yang akan datang. Kepada sesiapa yang berminat untuk menyertai ahli SuaraMU, bolehlah menghubungi Pejabat Pusat Islam di talian 09-6687751 atau lawati laman web Pusat Islam <http://pusatislam.uniza.edu.my>.



Bengkel Penjagaan Wajah dan Solekan Asas



Imej bukan sahaja merujuk kepada cara berpakaian, paras rupa atau keadaan fizikal seseorang. Dalam dunia profesional, imej adalah pakej diri yang mengandungi kualiti dan ciri-ciri individu yang menggambarkan kompetensi dan karakter semasa bekerja. Lebih kritis lagi, imej menjadi kayu ukur ketika berurusan dengan orang lain termasuklah rakan sekerja dan juga klien. Ini bermakna, imej seseorang individu bukan sahaja mewakili kredibiliti dirinya, malah melambangkan reputasi sesebuah organisasi. Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Pusat Kecantikan Mary Kay telah menganjurkan Bengkel Penjagaan Wajah dan Solekan Asas kepada staf UniSZA pada 18 Oktober 2012 lalu bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak. Kursus ini telah memberikan pendedahan terhadap kepentingan menjaga imej diri selari dengan imej yang dibawa oleh staf UniSZA. Bengkel ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan 50 orang peserta dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj). Diharapkan agar bengkel seumpama ini boleh dianjurkan lagi dan memberi peluang kepada staf lain untuk turut serta.





Bengkel Projek Pengorganisasian dan Pengautomasian PSS Fasa Ke-2



Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT) telah menganjurkan Bengkel Pengorganisasian dan Pengautomasian Pusat Sumber Sekolah Fasa Ke-2 di bawah program Khidmat Tanggungjawab Sosial Universiti (USR-UniSZA).

Bengkel ini telah diadakan di dua tempat iaitu Auditorium Perpustakaan UniSZA dan Makmal Komputer Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Kampus Gong Badak pada 26 September 2012.

Peserta bengkel dihadiri oleh 21 orang peserta yang terdiri daripada dua orang pegawai BTPNT, tiga orang pegawai Pusat Kegiatan Guru (PKG), guru-guru dan pengawas pusat sumber sekolah serta dua orang pegawai dari Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT). Empat buah sekolah yang terlibat dengan projek ini ialah Sekolah Kebangsaan Kompleks Seberang Takir, Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Rakit, Sekolah Menengah Kebangsaan Matang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Rusila.

Bengkel Fasa Ke-2 ini memberi penumpuan kepada aspek-aspek teori dan praktikal 'hands on'. Pengisian bengkel ini merangkumi dua modul utama iaitu *Latihan Pengkatalogan dan Pengelasan Bahan Pusat Sumber* disampaikan oleh Puan Norulhuda Makhtar, Pustakawan Kanan UniSZA manakala *Latihan Penggunaan Modul Sistem Pusat Sumber Sekolah* disampaikan oleh Puan Rosnorzaini Rusli, Pustakawan UniSZA.

Majlis penutup diakhiri dengan upacara penyampaian sijil penyertaan kepada semua peserta yang disampaikan oleh Puan Hajah Faridah Muda selaku Pengarah Projek.



Ceramah Inovasi

Pada 16 Julai 2012, Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Ceramah Inovasi yang bertemakan ‘Inovasi Penggerak Kecemerlangan Organisasi’ bertempat di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak. Ucapan aluan disampaikan oleh Puan Hajah Rohani Othman, Ketua Pustakawan UniSZA.

Seramai lebih kurang 68 orang peserta daripada PTJ lain termasuklah penceramah jemputan, Encik Shamsudin Ibrahim daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan seorang

Pustakawan Kanan yang berstatus Ketua Bahagian di Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan, PTSI UKM. Pelbagai kejayaan telah dilakar dalam sejarah kerjaya beliau. Bagi tahun 2011 sahaja sebanyak tujuh anugerah telah diraih oleh beliau dan kumpulan melalui Projek JETP dan pernah terlibat di dalam pertandingan KIK peringkat kebangsaan. Majlis penutup diakhiri dengan upacara penyampaian cenderahati kepada penceramah yang disampaikan oleh Ketua Pustakawan UniSZA.



Program Latihan Dalaman Fasilitator



Pada 24 September 2012, telah diadakan Program Latihan Dalaman Fasilitator bagi Projek PSS USR-UniSZA Fasa Ke-2 bertempat di Bilik Mesyuarat, Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak.

Program latihan ini melibatkan enam orang pegawai Perpustakaan UniSZA yang telah dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Projek PSS sebagai fasilitator untuk Bengkel Pengorganisasian dan Pengautomasian Pusat Sumber Sekolah Fasa Ke-2 pada 26 September 2012. Para fasilitator dan juga penceramah diberi latihan ‘hands on’ penggunaan modul Sistem Pusat Sumber Sekolah dan latihan ini disampaikan oleh Puan Rosnorzaini Rusli, Pustakawan Perpustakaan UniSZA.



Konvensyen Pembimbing Rakan Siswa Kebangsaan 2012

Unit Kaunseling dan Kerjaya, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya IPTA Malaysia (MAKUMA) dan Pembimbing Rakan Siswa Kebangsaan (PRSK) telah menganjurkan Konvensyen Pembimbing Rakan Siswa Kebangsaan (PRSK) 2012 pada 2 hingga 4 November 2012, bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Akademik, UniSZA. Konvensyen ini disertai oleh seramai 200 orang peserta dari seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Program yang dirasmikan oleh YB Dato' Haji Ahmad Razif Abdul Rahman, Pengurus Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia Negeri. Antara objektif penganjuran konvensyen ialah memberi pendedahan khusus kepada semua peserta di seluruh IPTA mengenai potensi masa hadapan Generasi Y, mendedahkan kepada semua ahli konvensyen sikap dan nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dan diaplikasikan oleh generasi Y bagi menjayakan misi, hala tuju negara dan masa depan; menyediakan platform mahasiswa/i dan tokoh bagi bersama-sama menggembungkan tenaga mengeluarkan idea melakukan transformasi Generasi Y demi memenuhi tuntutan aspirasi 1Malaysia, dan melalui pembentangan selari ia

mampu menggalakkan mahasiswa/i membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan generasi Y dari segi akademik, psiko-sosial dan kerjaya.

Kemuncak konvensyen ini adalah ketika majlis makan malam di Pusat konvensyen TTI pada 3 November 2012, iaitu penyerahan resolusi konvensyen oleh wakil pelajar Pembimbing Rakan Siswa Kebangsaan kepada wakil MAKUMA. Resolusi tersebut diharapkan mampu mencari titik tolak penyelesaian terhadap permasalahan isu semasa yang timbul. Idea-idea dan percambahan pemikiran dari golongan generasi Y sendiri serta ahli-ahli pemikir negara dalam program ini pastinya akan membawa perubahan satu pemahaman yang mendalam dalam memahami generasi Y.

Konvensyen ini dilihat sebagai satu medium yang amat baik dalam mencetus transformasi terhadap potensi diri, minda dan tingkah laku mahasiswa/i untuk melahirkan generasi Y yang menjadi pemangkin terhadap aspirasi negara. Rata-rata semua peserta dan pegawai pengiring IPTA memberikan maklum balas positif dan berharap agar konvensyen yang berimpak besar sebegini diteruskan untuk peningkatan softskill mahasiswa/i.

Seminar Kesedaran Pencegahan Kebakaran

Keselamatan kebakaran adalah merupakan aspek penting dalam sesebuah organisasi. Tanggungjawab tersebut harus dipikul oleh semua pihak termasuk KPTJ, staf dan pelajar bagi memastikan persekitaran yang selamat. Seminar ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran staf terhadap keselamatan kebakaran

serta melengkapkan diri dengan pengetahuan asas untuk mencegah kebakaran. Seminar ini telah diadakan pada 25 Oktober 2012 bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak dengan penyertaan seramai 50 orang peserta. Antara objektif yang ditekankan dalam seminar ini adalah meningkatkan

kesedaran keselamatan kebakaran di tempat kerja dan di rumah; mempelajari cara-cara menggunakan alat-alat keselamatan; mengetahui cara-cara menyelamatkan diri dari kebakaran dan cara-cara mengosongkan bangunan tinggi apabila berlaku kebakaran; dan mengetahui cara-cara pencegahan kebakaran.



Kursus Induksi

Kursus Induksi ialah kursus yang diwajibkan kepada seseorang pegawai lantikan tetap ke perkhidmatan awam seperti yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1992. Skim-skim perkhidmatan berkenaan mensyaratkan supaya semua anggota Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan yang dilantik dan yang dinaikkan pangkat secara lantikan (KPSL) pada atau selepas 1 Januari 1992 dikehendaki mengikuti Kursus Induksi dengan jayanya sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan.



Ekoran daripada itu, beberapa siri Kursus Induksi Modul Khusus & Kursus Induksi Modul Umum telah diadakan bagi memberikan pendedahan kepada semua staf yang belum disahkan jawatan.

Kursus	Kumpulan Jawatan	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
Induksi Modul Umum	Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan I Siri 1/2012	23 Sep - 4 Okt 2012	Bukit Gambang Resort City, Pahang	60 Orang
Induksi Modul Khusus	Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan I	8 -11 Okt 2012	Dewan Auditorium, Bangunan Akademik, Kampus Gong Badak	60 Orang
	Sokongan II & III Siri 1/2012	6 – 8 Nov 2012	Dewan Auditorium, Bangunan Akademik, Kampus Gong Badak	60 Orang

Kursus Mercy Malaysia Bersama Staf UniSZA

Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Kursus Mercy Malaysia Bersama Staf UniSZA. Kursus ini telah diadakan pada 12 November 2012 bertempat di Bilik Persidangan, Kampus Gong Badak. Kursus ini bertujuan untuk memberi maklumat mengenai latar belakang Mercy Malaysia yang bertanggungjawab melaksanakan program pendidikan pengurusan bencana dan meningkatkan tahap kesedaran

serta membantu masyarakat yang memerlukan. Kursus ini telah disertai oleh semua pengurus JKPP di peringkat PTJ. Antara aktiviti yang diadakan semasa kursus ini adalah tayangan video korporat, ceramah tadbir urus antarabangsa/ akauntabiliti, persembahan kumpulan, perkongsian kajian kes, penilaian/taksiran dan sesi soal jawab.



Kursus Pengurusan Perhubungan Pelanggan

Setiap organisasi berusaha untuk meningkatkan kualiti dari semasa ke semasa dalam pengurusan pelanggan termasuklah usaha meningkatkan kualiti dalam bidang perkhidmatan kaunter dan layanan menerusi telefon. Sebagai perkhidmatan barisan hadapan yang memancarkan imej UniSZA, perkhidmatan yang diberikan perlu memenuhi harapan dan memuaskan hati pelanggan.

Selari dengan keperluan tersebut, Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar UniSZA telah menganjurkan Kursus Pengurusan Perhubungan Pelanggan pada 30 September sehingga 2 Oktober 2012 yang bertempat di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak.

Seramai 55 orang peserta daripada PTJ lain termasuklah penceramah jemputan, Pegawai Program dari INTAN

Kampus Wilayah Timur (INTIM), Encik Mazri Mamat, yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan perhubungan pelanggan. Ucapan aluan disampaikan oleh Ketua Pustakawan UniSZA, Puan Hajah Rohani Othman.

Perancangan 2013 dan tahun seterusnya, Perpustakaan dan Jabatan Pendaftar UniSZA akan berkerjasama menjadikan Kursus Pengurusan Perhubungan Pelanggan sebagai anjuran tetap dan berkala. Pesertanya pula terdiri daripada pelbagai agensi awam daripada seluruh Malaysia.

Majlis penutup diakhiri dengan upacara penyampaian cenderahati kepada penceramah yang disampaikan oleh Pustakawan Kanan merangkap Pengurus program tersebut, Encik Din Sulong.

Majlis Bersama Pendaftar Bil.2/2012

Majlis Bersama Pendaftar yang melibatkan semua Penolong Pendaftar UniSZA telah diadakan pada 10 Oktober 2012 bertempat di Bilik Persidangan Kampus Gong Badak. Mesyuarat yang diadakan secara berkala telah dipengerusikan oleh Pendaftar adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah serta membincangkan isu-isu berbangkit yang berlaku di

Pusat Pengurusan Tanggungjawab (PTJ) masing-masing bagi memastikan urusan pentadbiran dilaksanakan dengan lancar. Selain mengemukakan masalah di PTJ, aktiviti pembentangan berkenaan cuti staf akademik dan bukan akademik turut dibincangkan oleh Bahagian Sumber Manusia.



Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftar IPTA 2012 Bil 3/2012

UniSZA telah terpilih sebagai tuan rumah untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftar IPTA 2012 Bil 3/2012 yang telah diadakan pada 28 Jun 2012 bertempat di Bilik Persidangan Kampus Gong Badak. Urusetia bagi mesyuarat tersebut adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM). Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan beberapa isu berkenaan IPTA dan dipengerusikan oleh Pendaftar UiTM. Ahli-ahli mesyuarat adalah terdiri dari kalangan semua Pendaftar IPTA.

Selain aktiviti mesyuarat, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi meraikan para delegasi termasuklah lawatan ke Pasar Payang, Majlis Makan Malam yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Prof. Dr. Alias Daud, dan juga aktiviti mencandat sotong. Mesyuarat tersebut turut membantu dalam merapatkan hubungan silaturahim antara Pendaftar IPTA selain memperkenalkan UniSZA dan Terengganu secara amnya.



Minggu Inovasi Jabatan Perpustakaan UniSZA

Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar UniSZA telah menganjurkan Minggu Inovasi Jabatan Perpustakaan UniSZA. Program ini berlangsung selama lima hari yang bermula pada 7-11 Oktober 2012. Ucapan aluan disampaikan oleh Pustakawan Kanan UniSZA, Puan Hajah Faridah Muda.

Sepanjang berlangsungnya Minggu Inovasi ini, terdapat beberapa aktiviti menarik seperti pameran inovasi, kuiz kepada peserta dan pengunjung perpustakaan serta projek-projek inovasi yang telah dilaksanakan oleh bahagian-bahagian di dalam perpustakaan dipamerkan juga untuk tatapan pengunjung.

Selain aktiviti tersebut, terdapat juga pengisian program berbentuk ceramah yang bertemakan inovasi iaitu mengenai perkongsian pengalaman organisasi yang pernah terlibat dalam pertandingan KIK peringkat negeri Terengganu. Ceramah tersebut disampaikan oleh Pustakawan Kanan,



Perpustakaan UiTM Cawangan Dungun, Puan Selamah Md. Yunos; dan Puan Noorafzan Adam dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu.

Di samping itu juga, kumpulan KIK Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu mengambil inisiatif untuk membuat demo persembahan projek KIK mereka yang akan dipertandingkan di peringkat kebangsaan nanti. Seramai lebih kurang 80 orang peserta daripada PTJ lain termasuklah tetamu jemputan, Penolong Pendaftar UniSZA, Encik Mazlan Mohammad, telah menghadiri program berkenaan.

Majlis penutup diakhiri dengan upacara penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Projek Inovasi Peringkat Jabatan Perpustakaan UniSZA yang disampaikan oleh Encik Mazlan Mohammad, selaku juri pertandingan tersebut.

Program Bersama Profesor Pelawat FPPP

Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) amat bertuah kerana telah menerima kunjungan selama dua hari oleh Profesor Pelawat FPPP iaitu Profesor Dr. Abdul Ghafar Ismail dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 4-5 November 2012. Agenda selama dua hari telah dirangka sempena program ini. Antara pengisian program tersebut adalah penyampaian slot *Intellectual Discourse: Islamic Economics: Problems and Prospects*.

Beliau dan juga Jemputan Khas, Profesor Dr. Aizzat Mohd. Nasurdin dari Universiti Sains Malaysia (USM) telah menghadiri sesi *Graduate Discourse: Proposal Defense* bersama para pelajar siswazah FPPP selain membuat konsultansi bebas bersama ahli fakulti.

Kunjungan beliau telah banyak memberi input yang bermanfaat kepada para peserta kerana beliau sudi berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau dalam menghasilkan penyelidikan dan penerbitan jurnal yang berkualiti. Diharap sesi perkongsian ilmu seumpama ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga FPPP.



Program Literasi Maklumat bagi Pelajar Diploma Sesi 2012/2013

Program Literasi Maklumat untuk pelajar baru bagi program diploma sesi 2012/2013 telah diadakan di Bilik Tayangan Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak dan di Makmal Komputer UniSZA, Kampus Kota bermula Julai sehingga September 2012. Program ini dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Pengguna, Perpustakaan UniSZA iaitu Encik Din Sulong, Encik Mohd Sabri Muda dan Cik Marlina Jaafar. Program ini telah memberi tumpuan kepada aspek-aspek pencarian maklumat menggunakan OPAC dan WebOPAC serta kemahiran maklumat melalui internet. Para peserta juga mempelajari penggunaan pangkalan data atas talian, jurnal elektronik dan buku elektronik.



Program MSC Malaysia Industry Academia Collaborations



Jabatan Teknologi Maklumat (Multimedia), Fakulti Informatik (FiT) telah menganjurkan ‘Program MSC Malaysia Industry Academia Collaborations’. Beberapa perisian Adobe telah disampaikan mengikut jadual yang telah disusun secara berperingkat.

Antaranya adalah Adobe Indesign pada 17-19 Jun 2012, Adobe Illustrator 20-21 Jun 2012, Adobe Flex pada 25-27 Jun 2012, Adobe Fireworks pada 17-19 September 2012, Adobe After Effects pada 20-24 September 2012 dan Adobe Premiere Pro 25-27 Jun 2012. Penyertaan program ini melibatkan semua pensyarah Jabatan Multimedia dan staf Unit Teknologi Teknikal (UTT). Keseluruhan program ini berjalan dengan lancar dan memberi banyak pengalaman dan ilmu baru dalam perisian Adobe.

Seminar Jalinan Masyarakat 2012

Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah menganjurkan satu seminar bertajuk Seminar Jalinan Masyarakat 2012 pada 26 Jun 2012 bertempat di Dewan Teater, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Kota.

Tujuan utama seminar ini diadakan untuk merealisasikan peranan warga institusi pengajian tinggi (IPT) dalam aktiviti khidmat masyarakat yang berorientasikan pendidikan serta penyelidikan di kalangan komuniti setempat. Selain daripada itu, matlamat seminar ini juga bertujuan untuk memulangkan kembali kepakaran yang dipelajari di universiti khususnya dalam bidang kesihatan untuk pembangunan masyarakat setempat.

Seminar yang memfokuskan ikatan kerjasama antara khidmat masyarakat dengan penyelidikan saintifik telah dihadiri oleh 90 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik dan pentadbiran UniSZA, pelajar siswazah UniSZA, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dekan FPSK, Dato' Prof. Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif dan upacara perasmian kemudiannya disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Prof. Dr. Alias Daud. Seminar ini telah memberarkan tiga orang penceramah jemputan dan dua orang penceramah daripada UniSZA yang berpengalaman luas dalam bidang kemasyarakatan.

Sesi ceramah dimulakan oleh Pengarah United Nations University-International Institute of Global Health (UNU-IIGH) iaitu Tan Sri Profesor Dr. Mohd Salleh Mohd Yassin. Beliau telah menyampaikan ceramah bertajuk *Transformasi Sistem Penjagaan Kesihatan Masyarakat di Malaysia* yang mengulas tentang kekuatan dan cabaran dalam mengekalkan kesihatan yang baik di kalangan masyarakat setempat. Sesi diteruskan dengan ceramah bertajuk *Khidmat Masyarakat dan Penyelidikan Saintifik: Seiring dan Sejalan* yang disampaikan oleh Dekan FPSK. Sementara itu, Ketua Jabatan Kesihatan Masyarakat dari Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof. Madya Dr. Mohd Rizal Hj. Abd. Manaf pula telah menyampaikan ceramah bertajuk *Kualiti Hidup Masyarakat Setempat: Kerjasama IPT dan KKM*.

Pada sebelah petang, sesi diteruskan oleh Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Mohd Dziehan Mustapa dengan tajuk *Khidmat Sumbangan Farmasi Kepada Masyarakat: Peranan Home Medication Review* yang menjurus kepada pengalaman beliau sepanjang menjalankan program *Home Medication Review*.

Sesi terakhir disampaikan oleh Ketua Pusat Pengembangan dan Khidmat Komuniti (PPKK) UniSZA, Prof. Madya Dr. Hasbullah Hj. Muhammad yang telah menerangkan fungsi dan peranan Pusat Pengembangan dan Khidmat Komuniti. Majlis penutup kemudiannya disempurnakan oleh Ketua PKKKH, Prof. Madya Dr. Lua Pei Lin mewakili pihak Dekan FPSK.



Wacana Kontemporari Islam

Unit Falak dan Jabatan Usuludin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam telah menganjurkan Wacana Kontemporari Islam Siri 3/2012 pada 23 Oktober 2012. Wacana kali ini bertajuk *Mantik dalam Tradisi Pemikiran Ilmuwan Alam Melayu* yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mat Rofa Ismail, Ketua Laboratori Etnomatematik dan Didaktik, Institut Penyelidikan Matematik, Universiti Putra Malaysia (UPM). Program ini telah dimulakan dengan sesi diskusi ilmiah yang diadakan di Bilik Persidangan, Bangunan Pentadbiran Kampus Gong Badak pada sebelah pagi bertajuk *Sejarah dan Falsafah Sains di IPTA Malaysia* dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Amran Ahmed. Bermula jam 2.30 petang, Prof Madya Dr. Mat Rofa Ismail telah menyampaikan ceramah bertajuk *Mantik dalam Tradisi Pemikiran Ilmuwan Alam Melayu* di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak. Program wacana ini menarik minat hampir 500 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, para pensyarah dan pelajar. Ceramah ini telah memberikan satu perspektif baharu kepada para peserta tentang ilmu mantik yang telah menjadi pendahulu kepada banyak ilmu bersumberkan akal dan fikiran. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan jayanya dan telah mencapai objektif yang ditetapkan. Diharapkan program wacana sebegini dapat diteruskan pada masa akan hadapan dengan penambahbaikan serta kerjasama daripada agensi lain bagi memantapkan lagi pengisian program.

Seminar Kualiti dan Agama FPSK 2012

Unit Jaminan Kualiti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UniSZA dengan kerjasama Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Majlis Profesor Negara (Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan), PERKIM Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri Terengganu telah menganjurkan Seminar Kualiti dan Agama FPSK 2012 pada 18 Julai 2012 bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak.

Seminar ini merupakan langkah permulaan bagi Program Seminar Bersiri Kualiti dalam Kehidupan Warga FPSK. Program ini dimulakan melalui Program Kualiti dalam Cara Hidup Beragama sebagai hebatan umum mengenai program sepanjang sesi untuk mencernakan dan melaksanakan sistem kehidupan berkualiti dalam setiap bidang kehidupan.

Seminar ini juga memberikan informasi berguna sempena kehadiran bulan Ramadhan al-Mubarak dalam konteks kebaikan dan hikmah amalan berpuasa serta qiyam Ramadhan menurut perspektif kerohanian, sains kesihatan dan perubatan kepada warga UniSZA dan komuniti luar kampus.



Seminar sehari ini telah dihadiri oleh hampir 300 orang peserta yang terdiri wakil kakitangan akademik dan pentadbiran seluruh jabatan di UniSZA, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, FAMA, KEMAS, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu, Pejabat SUK Negeri Terengganu dan Makmal Kualiti dan Keselamatan Makanan Negeri Terengganu.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dekan FPSK, Dato' Prof. Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif dan upacara perasmian kemudiannya disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa Agama dan Penerangan Negeri Terengganu, Yang Berhormat Ustaz Haji Muhammad Ramli Hj. Nuh. Pengisian program seminar bermula dengan forum kesihatan FPSK-UniSZA bersama Komuniti bertajuk 'Hikmah Puasa dan Qiyam Ramadhan Menurut Perspektif Kerohanian, Sains Kesihatan dan Perubatan'.

Barisan ahli panel yang dijemput adalah Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu, Tn. Kamalruazmi Ismail; Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi; dan Pakar Perubatan Keluarga, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu, Dr. Rohaizah Abd Kadir sementara Ketua Jabatan Sains Sosial, FKI, Che Wan Takwa Che Wan Abu Bakar bertindak sebagai moderator.

Program diteruskan dengan perbincangan ilmiah yang bertajuk 'Amalan Rasullah Merupakan Contoh Terbaik Kualiti Kehidupan Insan Semasa Ramadhan'. Ahli panel yang telah dijemput bagi menjayakan program perbincangan ini adalah Pegawai Zat Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Nazli Suhardi Ibrahim dan Pensyarah FKI, Ustaz Kamarudin Awang Mat. Majlis dipengerusikan oleh Timbalan Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Ramle Abdullah.

Sementara itu, pada sebelah petang program diteruskan dengan sesi perbincangan yang bertajuk *Amalan dan Penjagaan Kesihatan bagi Wanita Sepanjang Bulan Ramadhan*. Ahli panel yang dijemput untuk menjayakan perbincangan ini adalah Pakar Obstetrik & Ginekologi, Hospital Pakar Damansara, To' Puan Dr. Maziah Ahmad Mahidin dan Penyelaras Program Dietetik, FPSK, Che Suhaili Che Taha sementara moderatornya ialah Ketua Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, FKI. Dr. Sharifah Norshah Bani Syed Bidin.



The 1st Conference on ASEAN Cultures and Modern World



'Harmony in ASEAN Community: One Vision, One Identity, One Community', merupakan tema yang dikenalpasti dalam 'The 1st Conference on ASEAN Cultures and Modern World (CAC1)' anjuran Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA dengan kerjasama Prince of Songkla University (PSU). Seminar yang diadakan pada 13 Oktober 2012 di UniSZA ini merupakan salah satu daripada program kerjasama yang disusun susulan daripada MoU yang ditandatangani antara kedua-dua buah universiti berkenaan.

Perasmian pembukaannya telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Amran Ahmed. Seminar ini membuka tirainya dengan pembentangan ucapan utama oleh Prof. Dr. Mohamed Yusoff Ismail dari Open University Malaysia. Ucapan utama bertajuk 'Thai-Malaysian Border Region: Learning about Cultural Similarities and Differences' mewacanakan tentang perkongsian elemen-elemen budaya antara Malaysia dan Thailand yang banyak dipengaruhi oleh budaya masyarakat beragama Hindu-Buddha.

Sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan dalam dua sesi selari. Sesi selari pertama yang bertemakan 'Cultures, Identity and Ethnicity in ASEAN Region' melibatkan pembentangan sebanyak 15 kertas kerja, manakala sesi selari kedua pula melibatkan pembentangan sebanyak 13 kertas kerja yang bertemakan 'Languages, Social Environment and Social Capital in Modern World'.

Kejayaan penganjuran seminar ini dilihat sebagai salah satu usaha bagi kedua-dua buah universiti untuk membina dan meningkatkan kesarjanaan ahli-ahli akademik, khususnya dalam bidang Sains Sosial. Dalam ucapan perasmianya, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mengusulkan supaya kesemua kertas kerja yang dibentangkan diterbitkan. Selain bertujuan untuk meningkatkan jumlah terbitan dalam kalangan ahli akademik yang terlibat, penerbitan kesemua kertas kerja tersebut juga bertujuan untuk memastikan wacana dan perkongsian ilmu dalam bidang masing-masing dapat diperluaskan dan tidak hanya terhenti setakat perbincangan dalam seminar itu sahaja.



Workshop on Revising of TESL Curriculum

This workshop was held from 11-12 November 2012 at Sutra Beach Resort. 24 lecturers were involved. Among the objectives of this workshop were to expose new lecturers to calculating Student Learning Time (SLT), coordinating 'Lesson plans' in preparation for teaching, and to enhance the teaching and learning of new lecturers and also to get feedback on issues related to teaching and learning. The workshop consisted of two sessions, lesson plan and SLT. For each session the participants were divided into small groups of five comprised of both senior and junior lecturers. In the first session, each group was involved in the preparation of a lesson plan on a specific language skill. This was to ensure that the faculty uses a standardised lesson plan for teacher-trainees to be used during teaching practicum. In the second session, all lecturers discussed SLT based on their subjects taught. This workshop was not only to expose new lecturers to coordinating 'lesson plans' and 'Student Learning Time' but also acted as a platform of discussion about problems in the field. The sharing of knowledge that took place acted to enhance the skills of everyone involved.



Workshop on Scientific Referencing 2012

Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan bengkel *Workshop on Scientific Referencing* pada 17 Oktober 2012 bertempat di Makmal Komputer 3, UniSZA Kampus Kota.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menambah pengetahuan tentang format penulisan rujukan yang betul. Bengkel ini juga dijangka mampu meningkatkan kemahiran ahli akademik dan pelajar siswazah dalam *citation* dan *referencing* untuk penerbitan artikel dalam jurnal maupun semasa penulisan tesis. Seramai 37 orang peserta yang terdiri daripada ahli akademik yang akan menyambung pengajian serta pelajar-pelajar siswazah mengikuti bengkel tersebut.

Sesi pertama telah dimulakan oleh penceramah berpengalaman dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Prof. Dr. Zulkifli A. Manaf dengan tajuk *The American*

Psychological Association (APA) Reference Style. Sesi ini disusuli oleh ceramah tentang *Reference Style for Pure Science* yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Yeo Chew Chieng dari Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB).

Kedua-dua sesi adalah pelengkap antara satu sama lain berdasarkan isi kandungan ceramah yang merangkumi jenis-jenis rujukan untuk sains sosial dan sains tulen. Pada sesi terakhir peserta didedahkan kepada kemahiran menggunakan perisian *End Note* untuk melancarkan kerja-kerja mengemaskini rujukan dalam manuskrip atau tesis secara elektronik.

Scara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya memberi pendedahan ringkas kepada para peserta tentang pengurusan rujukan ilmiah yang bermanfaat untuk diterapkan ke dalam karya penulisan yang bakal diterbitkan kelak.



Sejenak bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Pertama sekali saya mewakili sidang pengarang buletin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian Y.Brs. Prof. untuk ditemu bual. Boleh Y.Brs. Prof. ceritakan latar belakang Y.Brs. Prof. secara ringkas?

Universiti ini adalah universiti yang kelima saya berkhidmat. Ijazah pertama saya adalah Sarjana Muda Matematik dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1983 kemudian saya menyambung pengajian peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan PhD di Hiroshima University, atas pembiayaan kerajaan Jepun. Kerjaya pertama saya adalah Pengawai Penafsir di Jabatan Hasil Dalam Negeri (kini dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri). Saya juga pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM), USM, UKM dan yang paling lama adalah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu selama 14 tahun. Selama berkhidmat di UMS, selain daripada pensyarah, saya turut dilantik sebagai Penyelaras Program, Timbalan Dekan dan Dekan. Saya juga dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (TNC) selama tujuh tahun iaitu separuh dari perkhidmatan saya di sana. Pada mulanya, saya dilantik sebagai TNC HEP sebelum memegang jawatan sebagai TNC Akademik dan Antarabangsa. Saya diarah oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk dipinjamkan ke Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sebagai TNC Akademik dan Antarabangsa selama tiga tahun bermula 1 Februari 2012.

Ketika menerima amanah untuk memegang jawatan sebagai TNC Akademik dan Antarabangsa, apakah jangkaan dan harapan serta pembaharuan yang akan dijalankan oleh Y.Brs. Prof. dalam menerajui portfolio ini?

Bagi saya, tiada masalah dari segi portfolio kerana saya masih memegang portfolio yang sama. Saya diamanahkan untuk membantu dari segi pembangunan akademik asas di UniSZA. Jadi, saya perlu belajar semula tentang sejarah UniSZA secara keseluruhannya. Harapan saya agar saya dapat membantu memajukan bidang akademik di sini dengan memastikan semua protokol akademik adalah diiktiraf dan berkelayakan memenuhi syarat-syarat MQA dan JPA supaya graduan-graduan UniSZA dapat diterima di peringkat global. Besar juga harapan saya untuk meningkatkan lagi bilangan pelajar antarabangsa. Namun demikian, saya dapat struktur organisasi akademik dan antarabangsa di UniSZA berbeza dengan UMS. Di sini, masih belum ada pusat hubungan antarabangsa. Jadi saya perlu mengambil masa untuk meneliti data, visi, misi dan polisi UniSZA. Selepas lapan bulan di sini, saya dapatkan perlu ada panduan untuk memantau kelayakan dan pengiktirafan program-program akademik ini. Itu merupakan tugas utama saya sama ada di peringkat ijazah atau pun diploma. Selain itu, pusat hubungan antarabangsa juga perlu ditubuhkan untuk memartabatkan universiti ini di peringkat lokal dan juga global. Ini bertujuan

untuk meningkatkan hubungan antarabangsa dengan negara lain. Sebagai contoh, saya difahamkan waktu bergelar Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dahulu kita ada pelajar dari Thailand, China, Brunei dan sebagainya. Jadi kita perlu kembali merapatkan hubungan dengan rakan-rakan kita dari negara-negara tersebut di samping memperluas bilangan pelajar antarabangsa. Ini kerana pihak kementerian mengarahkan supaya sepuluh peratus daripada jumlah pelajar yang bergraduat mesti terdiri daripada pelajar antarabangsa. Tugas ini agak mencabar dan untuk memastikan sasaran tersebut tercapai, pusat hubungan antarabangsa perlu diwujudkan.

Selain itu, saya juga menjangka untuk menjalankan usaha-usaha bagi meningkatkan kesarjanaan dalam kalangan ahli akademik UniSZA. Maksud kesarjanaan ini ialah dari segi pembelajarannya, supaya lebih mantap bersesuaian dengan perkembangan teknologi kerana kegiatan pembelajaran generasi Y berbeza berbanding generasi terdahulu. Kegiatan pembelajarannya tidak lagi tertumpu kepada ‘kapur dan papan hitam’ atau *marker* dan *whiteboard*, tetapi menjangkau lebih daripada itu. Di UniSZA, kita sudah ada Project e-Learning KeLiP, jadi kita hanya perlu berusaha untuk terus memajukan e-learning, memastikan bahawa 50 peratus daripada kandungan pengajaran dan kaedah pengajaran adalah menggunakan e-learning. Misalnya Facebook boleh digunakan sebagai medium untuk berinteraksi dengan pelajar. Buat masa sekarang saya merancang untuk bekerjasama dengan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan Fakulti Informatik (FIT) untuk menghasilkan *courseware* bagi menjayakan proses e-learning. Tetapi, sekiranya *courseware* tersebut ada dijual di pasaran, kita tidak perlu buang masa untuk menghasilkannya, kita akan beli dan ubahsuai dengan kandungan pengajaran dan pembelajaran.

Satu lagi, para pensyarah juga tidak boleh mengelak daripada menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan. Ini kerana seorang ahli akademik yang baik atau kesarjanaan yang baik ialah bagaimana mereka membawa hasil penyelidikan itu ke dalam dewan kuliah dan dikongsikan dengan pelajar. Kalau sekadar menggunakan nota kuliah, pelajar tidak ‘nampak’, tetapi kalau dikaitkan dengan contoh kajian yang pensyarah jalankan, pelajar akan berminat kerana hasil kajian benda ini bukan benda lama. Ada benda baru dan pelajar pun tahu bahawa pensyarah ini buat penyelidikan yang akhirnya dikaitkan dengan pengajaran dan seterusnya penerbitan. Sekiranya seseorang pensyarah tersebut mengajar sahaja tanpa menjalankan penyelidikan atau menghasilkan penulisan, maka bidang tugasnya sama sahaja dengan guru sekolah.

Apakah cabaran-cabaran dalam proses pembangunan akademik di UniSZA?

Cabaran utama bagi saya adalah untuk mengubah *mindset* sesetengah pensyarah lama dan yang berada dalam zon selesa yang dahulunya mengajar diploma, tetapi dikehendaki mengajar ijazah. Untuk kursus diploma, biasanya pensyarah hanya mengajar sahaja tanpa perlu menjalankan penyelidikan, tetapi sekarang pihak universiti mahu supaya mereka menyambung pengajaran di peringkat PhD. Cabaran yang saya dapati di UniSZA adalah bilangan pemegang PhD hanya 19 peratus walhal kerajaan telah menyarankan supaya ditingkatkan kepada seratus peratus. Itu satu cabaran. Bagi pensyarah baru dan masih muda, hal ini tidak sukar, tetapi bagi pensyarah lama agak sukar kerana telah lama meninggalkan dunia ‘pengajaran’. Jadi, bagi mengubah *mindset* mereka, saya perlu menjalankan program untuk *reengineering* atau *reenergizing* pensyarah lama supaya bersemangat untuk menyambung pengajaran ke peringkat PhD.

Cabaran kedua ialah dari segi ruang dan kemudahan. Insya Allah apabila Kampus Tembila siap, kita boleh mengadakan ruang-ruang yang lebih selesa untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Cabaran ketiga adalah dari segi bajet. Dalam Majlis Temu Dialog Bersama Menteri Pengajian Tinggi di Langkawi, antara perkara yang dibincangkan adalah perlunya universiti untuk mula memikirkan penjanaan kewangan sendiri. Oleh itu, kita perlu mencari ruang-ruang untuk menjana wang sebagai tambahan kepada kemajuan program dan kewangan akademik. Namun, kita tidak boleh menjadikan kekangan bajet ini sebagai alasan untuk tidak berkembang.

Pada pandangan Y. Brs. Prof. sejaух mana para graduan UniSZA dapat bersaing dengan graduan-graduan IPT?


Saya masih dalam proses pemantauan terhadap para graduan memandangkan saya baru bertugas di sini pada bulan Mac yang lalu. Daripada kajian kebolehpasaran graduan yang dilakukan, mana-mana universiti pun sama iaitu pelajar perlu meningkatkan kemahiran komunikasi sama ada Bahasa Inggeris atau pun Bahasa Melayu. Begitu juga dengan *critical thinking*. Maknanya pemikiran mereka harus terbuka. Selain itu graduan perlu bijak mengadaptasi dan menyesuaikan diri mereka dan tidak lagi boleh mengharap kerja-kerja diberi atau *works will be offered*. Mereka tidak boleh bersikap relaks dan tunggu. Oleh itu, pemikiran kritis dan kemahiran komunikasi perlu diterapkan dalam diri para pelajar semasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Misalnya membentangkan *assignment*. Soalan-soalan yang diberikan perlu berbentuk pemikiran kritis untuk menggalakkan pelajar berfikir, bukan mengharapkan *spoon feeding* daripada pensyarah.

Apakah harapan Y.Brs. Prof. terhadap staf akademik UniSZA dalam menghadapi cabaran dunia akademik masa kini?

Untuk menghadapi cabaran akademik, perkara utama yang perlu dilakukan adalah untuk meningkatkan kesarjanaan setiap ahli akademik, iaitu dengan meningkatkan jumlah pemegang PhD. Seterusnya cabaran dari segi pengajaran dan pembelajaran. Setiap pensyarah perlu mempunyai *passion* untuk mengajar dan mengambil berat tentang pelajar. Maknanya, pensyarah sepatutnya minat untuk mengajar bukan disebabkan oleh jawatan terjamin dan gaji lumayan semata-mata. Kalau pensyarah mempunyai sikap sedemikian, ini bermakna dia gagal menjalankan tugasnya sebagai seorang pendidik.

Selain itu, pembudayaan penyelidikan dan penerbitan perlu dilihat sebagai sesuatu yang wajib ada bagi setiap pensyarah. Salah satu caranya adalah menggunakan konsep *pairing* antara *senior lecturer* ataupun profesor yang sudah ada kemahiran menulis. Seterusnya memberi galakan untuk menghasilkan penerbitan, misalnya melalui imbuhan penerbitan. Selain itu, universiti juga memberi galakan kepada staf untuk memohon cuti sabatikal atau menjalankan *industrial attachment* dengan universiti-universiti lain. Tetapi, syarat untuk sabatikal, mesti ada PhD terlebih dahulu.

Teringat saya akan kata-kata Tan Sri Dr. Anuar Ali yang menceritakan pengalaman beliau sebagai Naib Canselor satu ketika dulu. Beliau menyatakan bahawa terdapat dua kumpulan orang yang gembira. Satu kumpulan ialah yang gembira mengajar dan menjalankan penyelidikan. Satu kumpulan lagi ialah yang gembira dengan tidak berbuat apa-apa. Apa yang UniSZA perlukan adalah pensyarah yang gembira dengan skop tugas masing-masing, mengajar, menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan.

A close-up photograph of a man with short brown hair, wearing a light-colored, button-down shirt. He is holding a pair of black binoculars with both hands, looking off to his right. The background is blurred green foliage.

A Moment with Mr. Cornelius Anuar Mc Afee

Thank you Mr. Anuar for agreeing to the interview. Please tell us your background both academic and personal.

I was born in Scotland and moved to Canada when I was young. I grew up in Canada and attended Carleton University in Ottawa, the capital city, where I studied Political Science and Philosophy. After completing university I moved to Malaysia and became an English teacher at KUSZA, which is now UniSZA. I have been teaching English here for over 20 years.

How did you become interested to be an activist that lead you to the position of Vice Chairman of Malaysian Nature Society Terengganu?

My interest in nature in general started when I was very young. Behind my house in Canada there was a forest and I used to spend my afternoons and weekends playing in the forest. Beside the forest was a small pond where migratory ducks lived in the summer. I used to feed the ducks as a small child. At first, the ducks were very shy and would move to the other side of the pond when I brought them food. But over time, they became accustomed to me and would swim to my side of the pond when they saw me coming. One day I decided to leave a trail of food from the pond to my house. Over a period of a few weeks, the ducks learned to follow the trail of food I had left for them. Then, I no longer needed to visit the pond to feed them. The wild ducks would come to my house every afternoon to eat.

Many years later in university I had a good friend who was active in bird watching. I began to follow him on trips and my interest in birds and wildlife grew again. For many people, observing birds is the first way they become interested in nature. I remember at the time looking through a book on Canadian birds and saying to myself that almost all the birds in the book could not be found in my area. But after going out with a skilled observer, I was shocked to see such colourful and varied bird species, even in the city where I lived, Toronto.

Once in Malaysia I continued to bird watch, but it was difficult. There were no colour field guides, the internet did not exist, and there was not a single person in Terengganu to go bird watching with, so I was on my own.

In 2005 while bird watching in Batu Rakit I found the nest of a Great Hornbill. When I checked with all the literature available at the time, I realised that no such nest had ever been discovered in Malaysia. When I shared this find with the Malaysian Nature Society, they were thrilled.

Thrilled not only that the nest was discovered, but thrilled to know that there was someone bird watching in Terengganu. I was invited to attend a course on bird watching sponsored by a Danish NGO. I then began holding workshops on birding here in Terengganu. The more time I spent observing in the field, the more things I was finding. The newspapers starting writing articles on some of the interesting birds that were showing up in Terengganu.

Once active with the Malaysian Nature Society, I was elected to the position of Vice Chairman for the Terengganu Branch. Currently I am the branch Secretary.

What are the activities that you have organized?

I have worked on various activities with the Malaysian Nature Society here in Terengganu. Besides leading regular bird watching trips for members, I have been a bird guide for some international birders who have visited Terengganu. I have conducted workshops lasting several days for university students as well as primary school students in the state. I have been invited to give talks on nature and the environment at schools, institutes and corporations. In addition, I have been an invited speaker at several international conferences.

In 2007 I was awarded a private grant to begin surveying birdlife in Terengganu. UniSZA has also funded similar research. The results of which have shown Terengganu to have healthy bird diversity. In addition, Terengganu is one of the best places in the country to observe hornbills, better than Sabah and Sarawak as we have more species and they are easier to see here.

In your opinion, how can the Malaysian Nature Society Terengganu contribute to the society?

The Malaysian Nature Society (MNS) is Malaysia's largest and oldest environmental non-governmental organisation. Headquarters are in Kuala Lumpur but MNS has 14 branches throughout the country, including Terengganu. Our vision is 'for Malaysia's natural heritage and rich biological diversity to be effectively protected, managed, and conserved for the benefit and appreciation of all Malaysians'.

Each branch is run entirely by dedicated volunteers. We work with local communities to raise awareness on environmental issues. Our members also work tirelessly in turtle conservation throughout the state.

We also make sure that members enjoy nature by organizing various trips. Previous branch outings have included climbing Mount Kinabalu, Gunung Tebu, Cemerong Waterfall, Lake Kenyir and Taman Negara, Turtle conservation trips to Redang Island, Setiu Wetlands as well as snorkeling and diving trips to some of Terengganu's islands. Of course, there are regular bird watching trips to forests near Kuala Terengganu as well as to Lake Kenyir.

The branch has involved itself in larger projects such as a two year RM280,000 project 'Solid Waste Management in Marang and on Pulau Kapas'. This ran from 2008-2010 and was funded by the Danish International Development Agency (DANIDA). Currently members of our branch are working with Talisman Malaysia Limited on a RM329,000 project 'Environmental Monitoring for Marine and Coastal Ecosystems (EMMCE)'.

In addition to enjoying nature, and studying nature, the branch also actively lobbies responsible entities to protect nature. MNS Terengganu holds discussions with the state government, Exco members, Perhilitan, Forestry Department, and others whenever the need arises.

As an academician and activist, what are your plans and hopes for the future?

There are so many things that can be done, and need to be done. But I have two goals in the near future. One is to have a field guide for the birds of Terengganu published. This guide would promote the state as an important ecotourism destination. It will also serve to raise awareness on avifauna in the state, and will be used as baseline data for future surveys of birdlife and habitat health in Terengganu.

My second goal is to see the Lake Kenyir area flourish as an ecotourism destination. For this to happen, development there must be planned, localised and controlled. In addition, the area must be protected by converting at least 400 sq km of the forest into a wildlife reserve or state park. The area has 290 species of birds, rare plants and animals, as well as mammal diversity equal to Taman Negara, yet there is little protection. Poaching of animals and theft of forest products is rampant.

Together with other researchers, a detailed proposal and action plan was recently submitted to the state government. We are now working with the relevant authorities to work towards the realisation of this important plan.

Artificial Nests for Hornbills

Anuar McAfee

Hornbills are important birds for our forests. Their diet consists of fruits from many of the important tree species that make up our forest. Hornbills, with their enormous bills can hold large fruit than most other birds and animals cannot. Hornbills fly great distances each day and drop the seeds from the fruit they eat far from the original tree. These seeds then germinate and work to regenerate our forests. Without hornbills, our forest diversity would decline.

Hornbills nest in natural tree cavities. These holes in trees must be the right size to allow the female hornbill to raise the young. The female hornbill will stay sealed inside the tree for several months. Only the largest and oldest forest trees have holes suitable for hornbills to nest. These same trees however, are the ones that are cut down for timber. As a result, hornbill numbers are in rapid decline. Not only are they losing valuable habitat, but they are being hunted as well.

Researchers are now looking at ways to ensure sufficient nesting locations for Hornbills. One way is to ensure nesting trees are not cut down. Another way is to maintain existing nesting holes so that they can be reused year after year. A third way is to provide an artificial nest for the wild birds to use.

Here in Terengganu one such artificial nest has been used by Oriental Pied Hornbills for the past 10 years. The nest is a disused earthen jar or 'tempayan'. The Oriental Pied Hornbill found the jar on the ground in a village on the outskirts of Kuala Terengganu. The female hornbill sealed herself inside to lay eggs and raise the young chicks. The nest is sealed using mostly mud, a small opening is left for food to be passed through. Each day, the male hornbill is busy gathering food to bring back to the nest to pass to the birds inside. Only after several months, when the young birds are able to fly, do they break open the mud covering and fly away.

During the breeding season in 2012 I was able to place a camera trap near the entrance of the nest and record the activity right up to when the two young chicks inside fledged.

This particular design and size of jar has been used by Oriental Pied Hornbills in at least two locations near Kuala Terengganu, in Selangor, Pangkor and even in Thailand. This tells us that this jar is the right size and shape to allow hornbills to nest successfully.

This jar may help us in creating suitable artificial nests to be used with other hornbill species too.



The back of a female Oriental pied hornbill sticking out of an earthen jar. The bird has been returning to lay eggs every year for the past 10 years.

Birds of a feather make earthen jar a home together

BREEDING: Hornbills using location for 10 years

SEAN AUGUSTIN
PUTRAJAYA
seanpm.com.my

An earthen jar in Kuala Terengganu remains a favourite nesting place for Oriental pied hornbills even after 10 years.

Malaysian Nature Society (Terengganu) vice-chairman Anuar McAfee, who had monitored the site since 2002, said yesterday a hornbill had laid two eggs in it on March 1.

Its mate partner then searched for food, including fruits, bats, frogs and lizards, over the next three months.

Last month, the female hornbill flew out of the jar, located in the backyard of a house in Kampung Tok Jering, with one fledgling. It flew out with the second fledgling a few days later.

The birds, said McAfee, were expected to return to the jar to nest again next year, although by an average of two eggs a year, between January and March.

In 2007, the New Straits Times carried a report on an Oriental pied hornbill that had used the same jar to nest since 2002.

While the species usually nests high-up in cavities found in older and larger trees, it has also used earthen jars in these places in the country to raise its young.

Apart from the one in Kampung Tok Jering, the other jars are in Manzi, Terengganu, and Lubuk Bernam, Selangor.

McAfee said: "These jars may provide clues about building artificial nesting boxes for these interesting and important birds."

"Hornbills are in decline and any area that supports their breeding is important."

He said nesting boxes were one way to reduce that decline.



A male Oriental pied hornbill will feed the mother in its mouth to its female partner.

Conservation of hornbills, he said, was apparently helped in Terengganu, noting that the state had some 100 pairs found in the country, although two-thirds of the hornbills in the state were threatened.

Apart from the Oriental pied, the state also has the Wrinkled, White-crown, Great, Rhinoceros, Double-crested, helmeted, Wreathed and Black hornbill, most of which can be spotted at Ampang Lake.

Many Asian hornbills, just as in Malaysia, are threatened because of hunting and habitat losses, with the latter affecting their breeding habits as the birds tend to return to their original nests.

Generally found in healthy forests in Malaysia, hornbills have a long, downward bill that is frequently brightly-coloured.

The HQ sometimes has a spur on the upper mandible.

Fig. 1. Recent article in NST on the Hornbill Nesting in the jar



Fig. 2. Female Oriental Pied Hornbill leaves nest for first time in three months



Fig. 3. Female Oriental Pied Hornbill sealed in nesting jar



Fig. 4. Male passing food to young inside nest



Fig. 5. Male passing food to young inside nest

NEW STRAITS TIMES FRIDAY, MARCH 30, 2007

Home is where the jar is

This unusual earthenware jar has become the nesting site of an Oriental Pied Hornbill. Its beak is visible and keeping a watchful eye is Muda-Manuk, dit, the birds' guardian. Since 2002, the jar, which is in the backyard of Muda's house in Temerloh, Pahang, has been the nesting spot for the bird, which may be the same one that has returned for the sixth time. "With me here, no one dares to disturb it. Anyone coming to see it must stand a few metres away from the jar," The hornbill, or durong bulohing, as it is commonly known, lays an average of two eggs a year, between January and March. The nest, usually made of twigs and dried leaves, can grow up to 70cm and is found in plantations, at the edge of forests and beaches. Malaysian Nature Society conservation committee member Azman Ibrahim Khatib said that hornbills traditionally nest high up in a tree. "For top it to nest in a ceramic jar just 1.5m above the ground is really unique," Azman said. For Muda, his unique gift was made from a prepared tegan in his village. (Inset) Oriental Pied Hornbill

IN HEAD NORTH: P16

Fig. 7. Article in NST on the Hornbill nesting in the jar



Fig. 6. Last of two young birds to leave the nesting jar



Fig. 8. Male Oriental Pied Hornbill bringing food to nest



Lawatan JPA ke FRIT

Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah mengadakan satu lawatan ke Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 31 Oktober 2012. Lawatan tersebut diadakan untuk membuat penilaian ke atas program Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian.

Seramai tiga orang ahli panel diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohamad Hariri Abdullah dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Ahmad Rizal Abdul Rahman dari Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Mohd Noramin Khalid dari Unit Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA.



Pihak UniSZA diwakili oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Amran Ahmed, Dekan FRIT, Dr. Saiful Bahri Mohamed, Timbalan Dekan, Al-Arikah Raja-E Ali, Ketua Unit Jaminan Kualiti, Ariza Ibrahim dan pensyarah pensyarah Program Reka Bentuk Perindustrian.

Pertandingan Pengaturcaraan ACM-ICPC (Malaysia) 2012



Fakulti Informatik, (FiT) telah menghantar wakil pelajar ke Pertandingan Pengaturcaraan ACM-ICPC (Malaysia) 2012 pada 3 November 2012 bertempat di UiTM Shah Alam.

Pelajar terlibat adalah Ahmad Abdullah Jaafar, Raja Abdul Shukor Raja Abdullah, Mohd Fauzi Roslan, Muhammad Imran Abu Bakar Mohd Isa, Adivijaya Andi Matalatta dan Mohd Zul Fatah Ibrahim. Ia juga turut disertai oleh 20 buah IPTA yang lain dengan penyertaan sebanyak 40 pasukan yang bertanding.

Pertandingan ini bertujuan memberi pendedahan piawai antarabangsa dalam pertandingan pengaturcaraan yang melibatkan semua pelajar ICT di IPT Malaysia; membina hubungan dan jaringan kerjasama antara pelajar di IPTA dan IPTS lain terutama dalam bidang pembangunan perisian; dan menanda aras tahap penguasaan kemahiran penyelesaian masalah pelajar FIT dengan pelajar lain.

Penglibatan pelajar UniSZA dalam pertandingan ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk menilai dan meningkatkan lagi kekompetenan dalam pengaturcaraan. Ia juga memberi pengajaran kepada pihak pengurusan fakulti agar membuat latihan khusus kepada peserta pertandingan kerana semua peserta yang menyertai pertandingan tersebut telah dilatih khas secara berterusan.

Pelajar UniSZA Terima Anugerah di Marim-Malaysia Re Student Awards 2012

Seramai lapan orang pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah terpilih sebagai penerima MARIM Malaysia Re Student Awards 2012 untuk pelbagai kategori. Anugerah yang dianjurkan oleh Malaysia Association of Risk and Insurance Management (MARIM) dengan tajaan Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re) telah diadakan pada 25 September 2012 di IOI Marriott Putrajaya Hotel bersempena dengan ‘MARIM 2012 International Risk Management Conference.’

Semua penerima anugerah adalah para pelajar yang mengikut program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans dengan Kepujian di Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan, UniSZA. Pelajar-pelajar tersebut adalah Norshazlin Ali, Najihah Othman, Fahamahhima Tamame, Tan Khai Wen, Nurul Nahjatun Saidon, Hong Bee Ping, Amira Faraha Amir Hamzah dan Norasyikin Idris. Mereka telah menerima anugerah untuk kategori Pencapaian Akademik Terbaik, Pencapaian Ko-Kurikulum Terbaik dan Pelajar Terbaik. Semua penerima anugerah telah menerima wang tunai, piala dan sijil penghargaan. Penerima anugerah juga turut diberi peluang untuk menghadiri MARIM 2012 International Risk Management Conference dengan semua kos termasuk yuran penyertaan, pengangkutan dan penginapan ditanggung oleh MARIM.

Anugerah disampaikan oleh Encik Mohd Radzuan Mohamed, Timbalan Presiden Kanan, MNRB Holdings Berhad yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Re dan disaksikan oleh Encik Mohamad M Zain, Pengerusi MARIM dan Profesor Madya Dr. Ahmad Shukri Yazid, Dekan FPPP, UniSZA. MARIM-Malaysia Re Student Awards adalah satu majlis tahunan bagi menghargai pencapaian pelajar dalam bidang akademik dan bukan akademik. Anugerah ini terbuka kepada semua ahli MARIM Student Chapter (MSC) seluruh negara. MARIM Student Chapter merupakan persatuan pelajar



yang diwujudkan khas untuk pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian dalam bidang pengurusan risiko dan insurans di institusi pengajian tinggi di Malaysia. UniSZA baru sahaja menubuhkan MARIM Student Chapter (MSC) pada tahun 2012.

Kelab Teater Anjung Kreatif Memenangi Anugerah Skrip Terbaik

Kelab Teater Anjung Kreatif yang bergerak aktif di bawah Pusat Seni & Warisan UniSZA telah memenangi Anugerah Skrip Terbaik di Pertandingan Filem Pendek anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM). Menerusi filem yang bertajuk ‘Mahasiswa dan MLM’, pasukan dari UniSZA berjaya mengalahkan peserta-peserta lain dan berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM500.00 dan sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada 13 September 2012 bertempat di Institut Integriti Malaysia (IIM) Kuala Lumpur. Hadiah telah disampaikan oleh Y. Bhg. Datuk Dr. Mohd Tap Salleh.

Poster Terbaik Hasil Kajian Pelajar Siswazah FPSK

Sebuah poster hasil kajian pelajar siswazah dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah berjaya memenangi tempat pertama di *4th Terengganu Scientific Conference 2012* baru-baru ini.

Persidangan yang berlangsung di Hotel Permai dari 25-27 September lepas telah disertai oleh lebih 100 orang pegawai perubatan dan pengamal-pengamal kesihatan dari seluruh negeri Terengganu. Persidangan ini dianjurkan secara bersama oleh Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu. Sebanyak 70 kertas kerja saintifik telah dibentangkan secara lisan mahupun poster.

Poster kemenangan tersebut adalah hasil kajian Norhayati Mustapha bertajuk *Health-Related Quality of Life Profile of HIV/AIDS Family Caregivers in Terengganu*.

Kajian beliau merupakan sebahagian daripada projek pengajian sarjana dalam bidang amalan farmasi yang memfokus kepada pendidikan ubat-ubatan, pengurusan kesan sampingan dan juga sokongan psikososial untuk keluarga pesakit HIV/AIDS dalam usaha menangani kepayahan hidup mereka secara bersama.

Projek induknya sedang giat dilaksanakan di Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH) di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Lua Pei Lin dengan kerjasama kumpulan doktor pakar, pegawai farmasi dan jururawat di Klinik Penyakit Berjangkit, Hospital Sultanah Nur Zahirah yang diketuai oleh Dr. Ahmad Kashfi Abdul Rahman.



Norhayati ketika ditemui berkata, kemenangan ini telah membakar semangat beliau untuk terus berusaha lebih gigih demi memastikan pengajiannya bukan sekadar diiktiraf oleh para saintis dan pengamal perubatan tetapi juga mampu meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti setempat, khususnya kecaknaan masyarakat terhadap keluarga pesakit HIV/AIDS.



Program Majlis Anugerah Dekan dan Gema Aidilfitri

Pada 15 September 2012, Fakulti Teknologi Makanan (FTM) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Teknologi Makanan (PMFTM) telah menganjurkan Program Malis Anugerah Dekan dan Gema Aidilfitri yang diadakan di Dewan Kuliah Utama, UniSZA, Kampus Gong Badak.

Program Majlis Anugerah Dekan dan Gema Aidilfitri adalah untuk meraikan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang pada semester lepas dan meraikan Hari Raya Aidilfitri di peringkat fakulti. Disamping meraikan pelajar-pelajar yang cemerlang, program

ini juga dapat merapatkan silaturrahim antara para warga Fakulti Teknologi Makanan.

Program Majlis Anugerah Dekan dan Gema Aidilfitri ini telah berjalan dengan jayanya dan kesemua objektif program ini turut tercapai. Para peserta berpuas hati dengan makanan dan persembahan yang disediakan sepanjang majlis dijalankan. Persembahan daripada para pelajar dan tetamu jemputan khas Fakulti Teknologi Makanan telah mendapat tepukan yang gemuruh daripada para peserta.

Program Pertandingan Inovasi Peringkat Jabatan Perpustakaan UniSZA

Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar UniSZA julung-julung kalinya telah menganjurkan Program Pertandingan Inovasi Peringkat Jabatan Perpustakaan UniSZA pada 7 Oktober 2012 bertempat di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak dengan penyertaan empat pasukan. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengurus program iaitu Encik Idris Jamaluddin.

Pertandingan ini melibatkan empat bahagian utama di Jabatan Perpustakaan iaitu Bahagian Perancangan Pembangunan Perpustakaan, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Sumber, Bahagian Perkhidmatan Pengguna dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Multimedia. Sebanyak enam produk inovasi dihasilkan dalam tempoh 45 hari. Sememangnya inovasi memberi impak yang cukup besar dalam sesebuah perkhidmatan perpustakaan di samping membudayakan semangat persaingan yang sihat serta merangsang ke arah mewujudkan daya pemikiran kreatif dan inovatif dalam membentuk jati diri yang lebih progresif.

Pertandingan ini diadili oleh Puan Hajah Rohani Othman, Ketua Pustakawan UniSZA selaku Ketua Juri, Encik Ahmad Zafir Zamani, Pereka dari Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) dan Encik Mazlan Mohammad, Penolong Pendaftar UniSZA.

Tempat Pertama dimenangi oleh pasukan HAPER KATER Kumpulan 1 bersama penasihat projek, Puan Hajah Faridah Muda dengan mengetengahkan produk 'Smart Book Gripper'. Tempat kedua dimenangi oleh pasukan INSPIRA-C Kumpulan 1 bersama penasihat projek, Encik Din Sulong iaitu projek tempat penyimpanan beg elektronik atau nama produk inovasinya 'Kunang-Kunang'. Manakala Tempat ketiga disandang oleh pasukan i-BB bersama penasihat projek Encik Ahmad Muslim Buhari melalui projek sistem pengurusan



pejabat iaitu 'R2DMC'. Bagi kategori Persembahan Terbaik dimenangi oleh pasukan HAPER KATER Kumpulan 2, manakala bagi kategori Pembentang Terbaik pula dimenangi oleh Encik Yusuf Amin Ismail dari pasukan i-BTMM.

Portal dan Laman Web UniSZA Mencapai Penarafan Lima Bintang

Buat pertama kalinya Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diberi penarafan lima bintang dalam Penilaian Portal/Laman Web Sektor Awam Tahun 2012 oleh Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) mengikut kategori universiti di Malaysia. Program penilaian ini telah dilaksanakan setiap tahun oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) yang dikhususkan kepada Portal/Laman Web agensi kerajaan. Tujuan utama penilaian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memberi sokongan tambahan kepada agensi kerajaan dalam mempromosikan perkhidmatan online dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

UniSZA mendapat tempat ke-12 antara 20 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berdasarkan markah yang telah diperolehi. Pada tahun 2011, UniSZA hanya mendapat penarafan empat bintang sahaja dan satu peningkatan yang baik pada tahun 2012. Tahniah diucapkan kepada semua staf atau bahagian yang terlibat secara langsung dalam menaiktaraf portal/laman web UniSZA terutamanya Unit Web, Pusat Teknologi Maklumat UniSZA.

Semoga pencapaian yang baik dan gemilang ini dapat diteruskan pada tahun depan demi menjulang imej UniSZA.

Rakaman Bima Sakti (Milkyway)

Dengan keadaan cuaca yang amat baik pada 8 September 2012, pihak Unit Falak telah berjaya merakamkan gambar galaksi Bima Sakti. Gambar dirakamkan oleh Ahmad Taufan Abdul Rashid dengan menggunakan kamera Canon 1100D 18 mm, f/5.6 dedahan selama 15 saat. Panorama ini merupakan sebahagian daripada galaksi Bima Sakti yang mengandungi berjuta-juta bintang dan diikat padu dengan gas serta debu angkasa. Kelihatan buruj Scorpius dengan objek messier yang berada dalam kelompok ini seperti Butterfly Cluster dan Lagoon Nebula.

NEGERI DARUL IMAN

oleh
Ahmad bin Said
 .S.M., P.J.K.
Terengganu

KEBANGSAAN

BAHASA
BANGSA
NEGARA



UniSZA Johan Pertandingan Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Terengganu

Penuntut semester pertama jurusan Usuluddin dan Kaunseling, Universiti Sultan Zainal Abidin, (UniSZA), Dayana Hj Chacho telah merangkul Johan dalam kategori terbuka Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Terengganu yang berlangsung pada 8 Oktober 2012, bertempat di Perpustakaan Negeri Terengganu. Beliau telah menewaskan lima lagi peserta termasuk penyandang juara tahun lalu. Tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh pelajar Institusi Perguruan Guru (IPG) iaitu C, Sharvina Sara dan Nor Atiekah Hidayah Hussain.

Ternyata sajak yang bertajuk ‘Warkah Buat Bonda’ telah membawa tuah buat dirinya apabila muncul juara sekaligus membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM800.00 beserta medal dan sijil penyertaan. Pertandingan

tahunan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini diadakan untuk mencungkil bakat mendeklamasi puisi di kalangan rakyat Terengganu mengikut kategori yang telah dikhaskan iaitu kategori sekolah rendah, menengah dan terbuka. Peserta juga hanya dibenarkan untuk mendeklamasikan puisi-puisi yang telah disediakan oleh pihak DBP sahaja.

Kesinambungan daripada menujuari pertandingan tersebut, Saudari Dayana telah dijemput oleh pihak pengajur untuk membuat persembahan puisi sempena Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Terengganu. Majlis tersebut disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Ahmad Said, Menteri Besar Terengganu di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu.

Bicara Kampus di TV1

Pada 4 November 2012, rancangan Bicara Kampus yang melibatkan 80 orang mahasiswa dan mahasiswi UniSZA telah dirakamkan di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Rancangan tersebut telah disiarkan pada 18 November 2012 jam 3.00 petang di TV1.

Antara panel jemputan yang terlibat adalah Ketua Pengarah Biro Tatanegara, Y. Bhg. Datuk Raja Arif Raja Ali, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UniSZA Saudara Muhammad Marzuqi Zainal Adlan, dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu saudara Saddam Hussein Ahmad Solihin. Topik yang dibincangkan adalah Kepimpinan Membentuk Budaya Cemerlang.



UniSZA Raih Perak Riid 2012



Sekumpulan pensyarah rekabentuk perindustrian Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang diketuai oleh Shahrul Anuwar Mohamed Yusof, Mohd Firoz Ahmat Basri, Amirul Fahmi Razali dan Addy Putra Zulkifli telah memenangi Anugerah Perak di Festival Research Invention Innovation and Design (RIID) 2012.

Festival yang diadakan pada 6-8 November 2012 adalah anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka. Kajian inovasi yang dipertaruhkan oleh pasukan daripada FRIT UniSZA bertajuk *Furniture Design to Enhance Interactivity* dan dipertandingkan dalam kategori inovasi pada festival ini.

Berteraskan bahawa aktiviti inovasi pemangkin kemajuan negara dan organisasi, RIID 2012 Melaka bertunjangkan objektif untuk melahirkan individu yang berkemampuan untuk menghasilkan idea yang kreatif serta berdaya saing.

Program ini mengutamakan budaya inovasi dalam kalangan staf dan pelajar Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) untuk membentuk masyarakat yang berfikiran kritis, mempunyai daya cipta dan mempunyai keilmuan yang tinggi.

FRIT mengambil inisiatif untuk menyertai Festival Inovasi RIID Melaka 2012 sebagai usaha membudayakan kajian dan inovasi di kalangan pensyarah dan mengetengahkan bakat inovasi staf FRIT.

Ceramah Motivasi dan Bimbingan Kerjaya

Pada 4 Oktober 2012, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) telah mengadakan program Ceramah Motivasi dan Bimbingan Kerjaya kepada para pelajar Tingkatan 5 dan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Jengal (SMKKJ), Dungun.

Seramai 79 orang pelajar telah menyertai program tersebut dan pelbagai input kemajuan akademik dan kerjaya telah disalurkan. Sekolah tersebut dipilih berdasarkan kedudukannya yang jauh di luar bandar dengan pelajar yang masih tebal dengan sikap rendah diri (*inferiority complex*) dan mewarisi tradisi kehidupan nenek moyang.

Tujuan program adalah untuk membantu pelajar SMKKJ mereka bentuk kerjaya masa depan dan mengurangkan sikap merendah diri. Seramai tiga orang pensyarah FPPP, seorang kakitangan sokongan dan lima orang pelajar Ijazah Sarjana Muda FPPP terlibat menjayakan program ini. Ceramah motivasi telah disampaikan oleh Dr. Abdul Aziz Abdullah, manakala Bimbingan Kerjaya pula disampaikan oleh Tn.Hj. Abdullah Ibrahim.



Lawatan dan Agihan Buah Kurma

Pihak Unit Perumahan dan Kebajikan Pelajar (UPKP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah mengadakan lawatan dan agihan buah kurma sempena bulan Ramadhan al-Mubarak 1433H kepada siswa/i yang menginap di luar kampus pada 13 Ogos 2012, mulai 2.00 petang hingga 5.00 petang di sekitar kawasan Gong Badak, Padang Nenas, Tok Jembal dan sekitar bandar Kuala Terengganu.

Tujuan utama program ini adalah untuk mengenalpasti lokasi rumah sewa siswa/i UniSZA yang menginap di luar kampus dan memaklumkan kepada siswa/i tentang saluran aduan sekiranya terdapat permasalahan yang dihadapi oleh siswa/i yang tinggal di luar kampus. Staf UPKP yang terlibat adalah Penolong Pendaftar Kanan, Encik Cairul Anwar Mohamed; Pengurus Asrama, Encik Mohd Rasyidin Ismail; Penolong Pengurus Asrama, Encik Shuhrin Che Mat; Penyelia Asrama, Encik Mohd Safuan Mahusain; dan Penyelia Asrama dari Kolej Kediaman D, Encik Wan Fairul Fakhzan Wan Hassan.



Lawatan ke Institusi Pengajian Tinggi dan Syarikat Produksi



Jabatan Multimedia, Fakulti Informatik (FIT), UniSZA telah mengadakan lawatan ke Institusi Pengajian Tinggi dan syarikat produksi yang memiliki kemudahan studio multimedia. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapat input mengenai spesifikasi dan perkongsian sebagai persediaan untuk pembelian keperluan studio multimedia di FIT, UniSZA.

Lawatan telah diadakan pada 4-6 November 2012. Antara tempat yang dilawati adalah Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Hijaz Record Sdn. Bhd., Animonsta Studios Sdn. Bhd., Uerofine Sdn. Bhd., Asia Talk Sdn. Bhd. dan Multimedia Synergy Corporation Sdn. Bhd.

Keseluruhan program lawatan ini berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada institusi-institusi yang dilawati.

Majlis Makan Malam Rakan Industri 2012

Pusat Hubungan dan Latihan Industri (CIRT) telah mengadakan Majlis Makan Malam Rakan Industri 2012 pada 13 Oktober 2012 di Hotel Permai Park Inn, Kuala Terengganu.

Objektif majlis tersebut ialah bagi meraikan pihak industri yang bekerjasama dan memberi sumbangan kepada universiti dan bakal graduan, meningkatkan hubungan jalinan kerjasama antara akademia dengan industri dalam memperkasa kualiti graduan, menjalin hubungan dan membentuk rangkaian sumber penempatan (di dalam dan luar negara) untuk latihan industri pelajar dan seterusnya mewujudkan jalinan perkongsian pintar antara UniSZA dengan industri. Sebanyak 250 orang tetamu hadir pada malam tersebut yang terdiri daripada pelbagai pihak industri dan staf UniSZA.

Di samping itu, majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan Delphi Packard Sdn Bhd dan Malaysian Takaful Association (MTA) turut dimeterai. UniSZA diwakili oleh Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Alias Daud, manakala Delphi Packard Sdn Bhd diwakili oleh Pengurus Sumber Manusia, Encik Wan Suhaimi Wan Saidin; dan MTA pula diwakili oleh Timbalan Pengerusi, Encik Wan Azman Wan Mamat. MoU tersebut bertujuan untuk mewujudkan jaringan kerjasama bersama pihak industri selain daripada menyediakan penempatan latihan industri pelajar, sangkutan industri pensyarah, pemindahan pengetahuan dan teknologi serta penyelidikan bersama.



Pemasangan Sistem PSS Fasa Ke-3

Pada 5-7 November 2012, Perpustakaan UniSZA telah membuat lawatan ke empat buah sekolah terpilih iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Rusila, Sekolah Menengah Kebangsaan Matang, Sekolah Kebangsaan Kompleks Seberang Takir dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Rakit bagi Projek PSS USR-UniSZA Fasa yang ke-3 iaitu pemasangan Sistem Pusat Sumber Sekolah (SPSS).

Pemasangan sistem ini melibatkan dua orang Pustakawan Perpustakaan UniSZA iaitu Puan Rosnorzaini Rusli dan Cik Marlina Jaafar. Selain dipasang pada komputer di pusat sumber, sistem ini juga dipasang pada setiap komputer di makmal sekolah. Tujuan pemasangan sistem di makmal komputer adalah untuk memudahkan kerja-kerja merekod data koleksi pusat sumber dalam jumlah yang banyak dan mempercepatkan proses katalog bahan pusat sumber.



Program Bersama Anak-anak Yatim Darul Akhyar

Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), UniSZA telah menganjurkan satu program bersama anak-anak yatim di Asrama Darul Akhyar, Batu Rakit untuk merapatkan hubungan antara kakitangan UniSZA dengan komuniti luar. Program yang diadakan pada 4 Ogos 2012 diketuai oleh Ketua PKP, Dr. Aminuddin Abdul Rahman bersama-sama 15 orang kakitangan PKP yang terdiri dari pelbagai jawatan.

Asrama Anak-anak Yatim Darul Akhyar yang terletak di Kampung Mengabang Kapal - Mukim Batu Rakit, adalah di bawah kelolaan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM). Menurut Penyelia Asrama, Ustaz Mohd Razaki, asrama ini menempatkan seramai 69 orang lelaki dan 75 orang perempuan yang terdiri daripada anak-anak yatim piatu dan fakir miskin berumur antara 13 hingga 19 tahun.

Antara pengisian program yang telah dijalankan pada hari itu ialah teknik-teknik asas pertolongan cemas dan pemeriksaan kesihatan. Anak-anak ini telah dipecahkan kepada empat stesen. Stesen pertama mereka didedahkan kepada *First Aid Box* dan cara-cara pemakaian anduh. Di sini anak-anak didedahkan dengan barang-barang yang terdapat di dalam *First Aid Box* serta kegunaannya. Cara pemakaian dan ikatan anduh yang betul juga telah diajar.

Stesen kedua pula, mereka telah diajar cara-cara untuk mencuci luka dengan menggunakan peralatan dan ubat dengan cara yang betul. Sementara pada stesen ketiga mereka ditunjukkan cara membuat balutan yang betul..

Dua orang doktor telah ditugaskan di stesen keempat untuk memberi rawatan dan khidmat kaunseling. Ubat-ubatan juga telah dibekalkan kepada anak-anak ini seperti yang telah ditetapkan oleh doktor. Program ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada kakitangan untuk beramah mesra dengan penghuni asrama, malah juga dapat memupuk keinsafan dan kesyukuran dalam diri kakitangan itu sendiri. Semoga kami dapat meneruskan lagi aktiviti-aktiviti seperti ini pada masa akan datang.



Kursus Intensif Bahasa Arab



Hasil daripada memorandum persefahaman antara Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), SMKA Lati dan UniSZA, satu program intensif bahasa Arab telah berlangsung selama tiga hari bermula 13-15 September 2012, bertempat di Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) UniSZA. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran bahasa Arab dalam kalangan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) SMKA Lati 2012 serta memupuk minat dan cinta mereka kepada bahasa al-Quran. Dalam masa yang sama, strategi dan teknik menjawab kertas peperiksaan bahasa Arab SPM turut dikongsi oleh para pensyarah merangkap fasilitator bagi program ini.

Seramai 35 orang pelajar tingkatan lima telah menyertai program ini bersama lima orang guru pengiring, manakala lapan orang pensyarah dari Jabatan Bahasa Arab, FBK telah terlibat sebagai urusetia dan fasilitator dalam program ini. Antara tajuk-tajuk yang diberi penekanan dalam program ini adalah seperti *Qawa'id, I'rab, Balaghah, Takwin Jumal* dan *Insya'*. Pada akhir program ini, satu ceramah motivasi telah diadakan bagi memberi suntikan semangat kepada para pelajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan SPM. Pihak SMKA Lati berhasrat untuk meneruskan kerjasama dengan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti lain pada masa akan datang.



Program Transformasi Minda dan Khidmat Masyarakat Bersama Masyarakat Orang Asli



Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) anjuran bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengadakan Program Transformasi Minda dan Khidmat Masyarakat Pelajar UniSZA di Perkampungan Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu pada 14 - 16 November 2012.

Program ini telah melibatkan 77 orang pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) serta lima orang staf FKI dan telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Amran Ahmed. Turut hadir dalam majlis perasmian program ini Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Timbalan Dekan (Akademik & HEP), Prof. Madya Dr. Ramle Abdullah serta pegawai daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

Matlamat program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Orang Asli tentang pentingnya pendidikan khususnya generasi muda, meningkatkan pendedahan di kalangan masyarakat Orang Asli berhubung perkembangan keperluan semasa pembangunan negara di samping memberi pengalaman aktiviti kemasyarakatan terutama yang melibatkan masyarakat pribumi.

Program selama 3 hari 2 malam ini telah diisi dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat seperti taklimat program pembangunan Orang Asli, ziarah dan ramah-mesra, Pengukuhan Integrasi (Sukaneka), Program Transformasi Minda (motivasi pendidikan, jatidiri remaja, motivasi keibubapaan), gotong royong serta tayangan gambar.

Pelaksanaan program ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar UniSZA selaku peserta program malah dapat meningkatkan kesedaran masyarakat Orang Asli setempat berkaitan pencapaian kemajuan mereka sebagai sebahagian daripada penduduk negara ini khususnya dalam pendidikan dan pembangunan sosio-ekonomi.



Academic Visit to University of Macau (UM), China

On 16 July 2012, Representatives from UniSZA visited the University of Macau (UM), China, to understand and learn how the '4-in-1' education model is implemented. It was also to give insight into the planning and design of their new campus and its integration into the economic development of the island. The new campus is due to be completed by 20 December 2012, situated in east Hengqin Island, Zhuhai, Guangdong. It is nearly 20 times larger than the current campus and will be able to accommodate approximately 10,000 students. One of the unique characteristics of the new campus is the underwater tunnel which will be built to ensure convenient, 24-hour access to the new campus from Macau without the need to go through immigration clearance. This visit was relevant to UniSZA as we are in the midst of planning and designing a branch campus and related facilities.

A general introduction of University of Macau was given by Prof. Rui Martins, Vice Rector (Research). UniSZA delegates were Y. Bhg. Dato' Zolkigli Abdul, Chairman, UniSZA Board of Directors and wife, Y. Bhg. Datin Zaharah Abdul Aziz, Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Alias Daud, Vice Chancellor, Prof. Dr. Amran Ahmed, Deputy Vice Chancellor (Academic & International Affairs), Assoc. Prof. Dr. Nik Wan Omar, Registrar, Mr. Baharin Salim, Bursar, Mr. Abdul Hadi Ahmad, Director of Development & Maintenance Department, Mr. Zulkifly Alias and Mr. Mohammed Nazir Abdul Rahim, representatives from the Ministry of Higher Education Malaysia.



FPPP UniSZA Terokai Kerjasama Akademik dengan Universitas Pembangunan Nasional (UPN) Veteran Yogyakarta



Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) UniSZA dan UPN Veteran Yogyakarta bakal mengorak langkah untuk membina sinergi akademik melalui jalinan kerjasama yang mencakupi program pertukaran tenaga akademik, pertukaran pelajar dan penyelidikan bersama.

Perkara ini dipersetujui oleh kedua-dua pihak hasil lawatan rombongan UPN Veteran, Yogyakarta yang diketuai oleh Kepala Biro Kerjasama dan Komunikasi, Dr. Ir. Widayati; Dekan Fakultas Ekonomi, Drs. Sujatmiko; dan Pembantu Dekan II, Januar Eko Prasetyo ke FPPP UniSZA selama tiga hari bermula 29 September hingga 1 Oktober 2012. Melalui lawatan itu, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalankan penyelidikan bersama dalam bidang kewangan dan pengurusan Islam. Kerjasama akademik ini juga membabitkan pertukaran tenaga akademik dan pelajar di pelbagai peringkat pengajian selain penganjuran bersama persidangan International Management Conference.

Satu perjanjian kerjasama (MoU) dijangka akan dimeterai antara FPPP UniSZA dan UPN Veteran, Yogyakarta pada 20 November 2012 yang akan disempurnakan oleh Naib Canselor dan Rektor universiti masing-masing. Kerjasama akademik ini diharapkan dapat merapatkan lagi jurang akademik, hubungan diplomatik dan penyebaran nilai-nilai Islam dalam suasana adat resam dan budaya yang berbeza.

FTM Terima Kunjungan Delegasi Program Mobiliti Pelajar Chiang Mai University

Pada 19 Oktober 2012, Fakulti Teknologi Makanan (FTM) telah menerima kunjungan daripada Delegasi Program Mobiliti Pelajar Chiang Mai University yang disertai oleh 33 orang peserta. Program ini merupakan kesinambungan kepada Program Mobiliti Pelajar Fakulti Teknologi Makanan, UniSZA yang telah dianjurkan pada tahun sebelumnya dan akan dianjurkan pada tahun ini. Sepanjang lawatan Delegasi Program Mobiliti Pelajar Chiang Mai University ini, pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi meraikan mereka. Bermula dengan ketibaan di KLIA yang disambut oleh wakil pelajar FTM, mereka kemudiannya dibawa melawat ke tempat-tempat yang menarik di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur sebelum bertolak ke Kuala Terengganu pada 20 Oktober 2012. Antara tempat yang dilawati adalah UPM Serdang, Istana Negara Lama, Kilang Coklat Beryl's dan Suria KLCC. Sebelum bertolak ke Kuala Terengganu, mereka telah dijemput untuk menikmati makan malam di kediaman Dekan FTM, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar.

Delegasi Program Mobiliti Pelajar Chiang Mai University ini tiba di UniSZA, Kampus Gong Badak pada pagi 21 Oktober 2012 dan pada sebelah petangnya pula, mereka dibawa melawat ke Muzium Negeri Terengganu. Kedatangan mereka ke UniSZA telah diraikan pada sebelah malamnya di Kafe Ibnu Sina, dengan penganjuran Majlis 'Welcome Dinner' yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud; Dekan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) Professor Dr. Mat Zakaria; Dekan Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Dr. Saiful Bahri Mohamed; Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pengurusan Akademik, Encik Ismail Musa, Pengarah Pembangunan JPP, Encik Abdul Hadi Ahmad dan seluruh warga FTM. Majlis yang telah dianjurkan pada malam itu juga telah diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh pelajar UniSZA dan juga Chiang Mai University.

Pada hari berikutnya, FTM menganjurkan seminar yang turut dihadiri oleh pelajar FTM dan beberapa kertas kerja telah dibentangkan oleh pelajar pasca siswazah UniSZA dan CMU. Seminar tersebut telah diadakan di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA, dan tamat pada pukul 12.30 tengah hari. Selepas makan tengah hari, Delegasi Program Mobiliti Pelajar Chiang Mai University telah dibawa melawat ke Kampus Kota. Di sana, mereka telah melawat Makmal Pemprosesan Makanan, Makmal Analisis Makanan, Makmal Mikrobiologi, Perpustakaan, Canseleri UniSZA dan kawasan sekitar kampus. Pada sebelah petangnya, mereka telah dibawa bersiar-siar di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu dan singgah ke Noor Arfa Batik sebelum bertolak ke Pulau Duyung untuk menikmati makan malam. Selepas makan malam, mereka dibawa ke Kampung Cina dan melihat keindahan kawasan sekitarnya pada waktu malam.

Pada 23 Oktober 2012, delegasi ini telah dibawa berkelah di Pantai Kelulut, Marang. Di sana, mereka diraikan dengan aktiviti 'BBQ Lunch' dan beberapa aktiviti riadah di pantai. Turut serta adalah pelajar-pelajar tahun akhir FTM, yang sebahagiannya akan menyertai Program Mobiliti Pelajar FTM, UniSZA pada 6–12 November 2012. Pada sebelah petangnya, mereka dibawa ke Pasar Kedai Payang dan berpeluang melihat produk-produk tradisional di samping membeli



cenderahati untuk dibawa pulang. Pada sebelah malamnya, Majlis 'Farewell Dinner' diadakan di Restoran Matahari yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Amran Ahmed serta kakitangan dan pelajar tahun akhir FTM. Beberapa orang wakil daripada Delegasi Program Mobiliti Pelajar Chiang Mai University telah membentangkan hasil lawatan mereka sepanjang berada di UniSZA dan majlis berakhir dengan acara penyampaian sijil penghargaan kepada peserta yang terlibat.

Keesokan harinya, mereka bertolak ke Kuala Lumpur kerana akan berlepas ke Thailand pada pagi 25 Oktober 2012. Sepanjang perjalanan ke Kuala Lumpur, mereka tidak melepaskan peluang untuk berhenti di tempat-tempat yang menarik sepanjang perjalanan. Antara tempat persinggahan yang menjadi pilihan adalah Kilang Keropok Bukit Tok Beng, Seberang Takir; Kedai Keropok dan Hasil Laut di Pantai Kelulut, Marang; Kedai Keropok dan Hasil Laut di Kemaman dan juga Bandar Kuantan. Setibanya di Kuala Lumpur, mereka dibawa ke Putrajaya pada sebelah malamnya bagi merakamkan keindahan kawasan sekitar Putrajaya pada waktu malam sebelum bermalam di Deena's Homestay.

Seawal jam 8.00 pagi, bas rombongan telah membawa Delegasi Program Mobiliti Pelajar Chiang Mai University ke KLIA. Adat pertemuan, pasti diakhiri dengan perpisahan. Sebelum masuk ke balai berlepas, mereka sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada warga UniSZA yang terlibat sepanjang lawatan Delegasi Program Mobiliti Pelajar Chiang Mai University ini. Diharapkan agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana banyak manfaat yang dapat diambil daripada penganjuran program ini.

Lawatan Akademik FKI Ke Universiti-universiti di Jordan



Bagi menyahut saranan Kementerian Pengajian Tinggi ke arah pengantarabangsaan universiti-universiti di Malaysia, UniSZA secara rasminya telah menandatangani Perjanjian Persefahaman pada bulan Mei 2010, dengan tiga buah universiti di Jordan, iaitu Universiti Yarmuk, Universiti Mu'tah dan The World Islamic Sciences and Education University (WISE).

Dalam usahamerealisasikan segala yang termaktub dalam MoU ini, pihak Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) merancang program-program bersesuaian mengikut tempoh sah laku MoU UniSZA dengan universiti-universiti tersebut. Program perintis adalah Program Lawatan Akademik dari ketiga-tiga presiden universiti-universiti tersebut ke UniSZA pada 6-8 Disember 2011. Hasil lawatan ini, FKI mengorak langkah lebih jauh ke arah merealisasikan persetujuan yang dicapai dalam perbincangan yang diadakan.

Justeru, pada 6-12 Oktober 2012, pihak FKI yang terdiri dari Dekan, Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi dengan diiringi Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah, Prof. Madya Dr. Rohaizan Baru mengambil inisiatif mengadakan kunjungan balas dalam Lawatan Akademik ke Jordan. Lawatan ini bertujuan untuk mengadakan jaringan yang lebih erat di antara FKI dengan Universiti Yarmuk, Universiti Mu'tah dan WISE.

Sebanyak empat program utama dirancang untuk diadakan secara *in-bound* dan *out-bound*, iaitu penganjuran seminar, penyelidikan dan penerbitan, mobiliti staf dan mobiliti pelajar. Penganjuran Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari (SQ2012), pada 1-2 Disember

yang diadakan secara kerjasama dengan WISE University juga menjadi indikator bahawa jalinan akademia di antara FKI khasnya dan UniSZA amnya dengan universiti-universiti di Jordan boleh diperkuuhkan lagi dengan program-program lain yang telah dipersetujui secara bersama dalam Lawatan Akademik tersebut.

Tahun 2013 bakal menyaksikan usaha pengantarabangsaan FKI akan menjadi lebih giat melalui program mobiliti pelajar, iaitu melibatkan latihan industri yang akan diadakan pada bulan Jun 2013 dan Lawatan Akademik Pelajar yang akan diadakan pada bulan Ogos 2013 dengan ketiga-tiga buah universiti. Selain daripada itu, pihak WISE University juga telah bersetuju untuk menerima staf akademik FKI untuk menjalani internship selama enam bulan di institusi berkenaan, bermula Mac-September 2013. Manakala Universiti Yarmuk pula dijangka akan bekerjasama dengan FKI menganjurkan seminar undang-undang dwi tahunan FKI, iaitu Seminar Undang-undang dan Masyarakat Kontemporari (ISLAC) pada bulan November 2013.

Dalam Lawatan Akademik FKI-Jordan ini juga, pihak FKI turut mengunjungi Universiti al-Albayt dan Jam'iyyah Muha�azah li al-Quran al-Karim bagi mengenalpasti peluang kerjasama yang boleh diadakan. Ternyata, kedua-dua institusi ini bersetuju untuk menjalinkan kerjasama akademia dengan UniSZA dan menyarankan agar jalinan ini dizahirkan melalui Perjanjian Persefahaman sepertimana yang telah ditandatangani dengan Universiti Yarmuk, Universiti Mu'tah dan WISE.



Program Bas Belia MABIMS 2012

Pada 14 November 2012, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menerima rombongan lawatan dari Majlis Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS). Seramai 40 delegasi mewakili negara masing-masing termasuk dua orang mahasiswa UniSZA. Program yang kali keempat telah diadakan ini merupakan acara tahunan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain aktiviti lawatan, rombongan delegasi ini turut mengadakan Mini Forum Belia Islam Nusantara bertemakan Persiapan Pemimpin Belia Menghadapi Cabaran Dunia Global. Antara panel jemputan yang terlibat adalah Ketua Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Dr. Mohd Shafiee Hamzah dan Pegawai Pembangunan Belia Masjid Singapura Ustaz Mohamad Nazree bin Abd Wahid. Forum ini dikendalikan oleh Mohd Farid Abdul Talib, Exco Pembangunan Sahsiah dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2012/2013.

Pada 15 November 2012, JAKIM dan UniSZA sekali lagi bergabung tenaga dengan delegasi MABIMS untuk bergotong-royong di Kg. Pecah Rotan, DUN Batu Rakit. Program ini dirasmikan oleh YB Khazan Che Mat, ADUN Kawasan Batu Rakit, Terengganu. Aktiviti yang dimulai seawal jam 7.00 pagi ini dimulakan dengan acara penyembelihan lembu oleh wakil delegasi dan diakhiri dengan makan beramai-ramai pada jam 2 petang. Delegasi bas belia seterusnya bergerak ke Pasar Payang.



Thai-Malaysian English Strengthening for AEC (ASEAN Dialogue)



The Faculty of Languages and Communications (FBK) - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) together with the Faculty of Humanities and Social Sciences (HUSO) - Prince of Songkhla University (PSU) from Pattani co-organised the Thai-Malaysian English Strengthening for ASEAN Economic Cooperation (AEC) under the ASIAN Dialogue initiative, which was kick started on the 15th of October for six days to the 20th of October 2012. 67 participants made up of 33 UniSZA and 34 PSU students majoring in English took part in the programme. The students were paired with a partner while undergoing activities planned throughout the week. After breaking the ice with tongue twisters, the students were exposed to the fundamentals of doing research and later divided into five different groups to revise the design of their fieldwork research.

Armed with pencils, paper and their partner, UniSZA and PSU students took to the streets of Kuala Terengganu and UniSZA's Gong Badak campus collecting data that would help to answer their research questions the next day. Though there were long distances to cover on foot and the weather was hot, many of them found it to be a very memorable and valuable experience. They were not at all disappointed. They agreed that the knowledge and ability to carry out research is of fundamental importance, especially for students in higher education like themselves.

They did research on the ASEAN community in general and on the readiness of ASEAN for the ASEAN Economic Community by 2015. This is where it is envisioned that ASEAN will become a single market and production base where goods, services, investment, capital and skilled labour will flow freely.

The data collection activity took them to the Bus Terminal MBKT, offices around the State Library, Mydin Mall and Dataran Syahbandar in the city of Kuala Terengganu. This

activity also provided an opportunity for the students to do some sightseeing as well. Our students had the opportunity of a lifetime to practice intercultural communication and not just learn its theory. In addition, students enhanced their English communication skills as they had to work together with their partner from Pattani designing research, collecting data, discussing results and presenting their research findings all using the English language.

Another fringe benefit was that our semester 7, Bachelor of English with Communication students learned some Thai language and their counterparts picked up some Malay language besides strengthening their English language. The schedule was packed. It started at room UM01 and UM02, the FBK activity rooms at 8:30 am and lasted until 11 pm at Scouts Inn Resort where the PSU students were staying. However, it wasn't all work and no play. A friendly and fun telematch competition was organised on the second day where participants were mentally and physically challenged. During the last night of the programme, all were treated to a grand dinner at a local hotel ballroom where they took part in cultural performances. The Vice Chancellor of UniSZA also attended the evening event.

They came together to do research and improve their English language skills and they parted having learned to cooperate, gained knowledge on doing fieldwork research and formed precious bonds of friendship. In the end, they found that besides a common language, they also needed to learn cultural aspects as well, and they did it by learning from each other. In retrospect, they came to the conclusion that indeed it wasn't difficult for them to live with others who are culturally different. Hopefully, they will work together again in future endeavours.

UniSZA Menandatangani Perjanjian MoU Bersama UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia

UniSZA telah menandatangani perjanjian MoU bersama Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia pada 10 September 2012 dengan tujuan untuk mewujudkan jaringan kerjasama dalam bidang akademik, khususnya dalam bidang Pengajian Islam yang meliputi penyelidikan, pertukaran pelajar, staf, penganjuran seminar secara bersama dan seumpamanya.


Perjanjian MoU ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor UniSZA, Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Alias Daud dan Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, manakala wakil daripada UIN Syarif Hidayatullah adalah Rektor, Prof. Dr. Komaruddin Hidayat, dan Pembantu Rektor Bidang Pengembangan

Lembaga dan Kerjasama, Dr. Jamhari MA. Pemilihan kerjasama dengan UIN Syarif Hidayatullah ini adalah kerana pengalaman yang cukup lama dalam bidang Pengajian Islam khususnya kepakaran dalam bidang al-Quran. Selain itu juga, UniSZA ingin berkongsi pengalaman UIN Syarif Hidayatullah dalam menjalin hubungan akademik dengan Universiti Al-Azhar.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Pengurus Lembaga Pengarah UniSZA, Y. Bhg. Dato' Zolkiple Abdul; Timbalan Pendaftar Kanan (Bahagian Pengurusan Akademik), Encik Ismail Musa; Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Encik Mohd. Shafiee Hamzah; dan Ketua Pusat Hubungan dan Latihan Industri, Dr. Saiful Bahri Mohamed.,

UniSZA Terlibat dalam Jaringan Penyelidikan Antarabangsa dengan FAO

Sekali lagi UniSZA melangkah setapak ke hadapan dalam penyelidikan apabila pensyarah Fakulti Teknologi Makanan (FTM) UniSZA, iaitu Dr. John Tang Yew Huat melibatkan diri dalam penyelidikan bersama Food and Agricultural Organization (FAO) yang berpusat di Rome, Italy, dalam projek penyelidikan 'Biosafety of *Vibrio parahaemolyticus* in seafood'. International Life Sciences Institute (ILSI) bersama FAO telah menganjurkan satu bengkel untuk mengumpulkan penyelidik-penyelidik dari rantau Asia untuk membincangkan penyelidikan vibrio di negara masing-masing. Bengkel yang ditaja oleh penganjur ini telah diadakan di Nanyang Polytechnic, Singapura dari 19 hingga 23 November 2012. Penyelidik-penyelidik dari China, India, Singapura, Malaysia, Vietnam, Thailand, Filipina, Indonesia dan Myanmar telah menghadiri perbincangan ini. Bagi menjayakan perbincangan ini, fasilitator-fasilitator seperti Dr. Iddy Karunasagar (FAO), Dr. Jessica Jones (US FDA), Dr. Swapan Banerjee (Health Canada) dan Prof. Dr. Mitsuaki Nishibuchi (Kyoto University, Japan) telah menyertai bengkel ini.





Program ‘Green Nature Photo Champ’ Persatuan Mahasiswa FIT

Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik (FiT) telah berjaya menganjurkan Program ‘Green Nature Photo Champ’ bertempat di Air Terjun Lata Tembakah, Besut Terengganu pada 30 Ogos – 1 September 2012. Program ini melibatkan mahasiswa FiT khususnya pelajar program Diploma Multimedia semester satu, tiga dan lima beserta tiga orang pensyarah pengiring iaitu Encik Sufian Mat Deris, Puan Normala Rahim dan Cik Irma Shayana Samaden. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada pelajar tentang cara penggunaan kamera dan teknik-teknik fotografi. Di akhir program, peserta amat berpuas hati kerana mendapat tunjuk ajar bagaimana hendak menjadi ‘seorang jurufoto’ dan bukannya sekadar ‘pembawa kamera’.



Kejohanan Golf dan Boling Rakan Industri 2012

Pada 13 Oktober 2012, pihak Pusat Hubungan dan Latihan Industri (CIRT) telah menganjurkan Kejohanan Golf dan Boling Rakan Industri 2012 sempena program Majlis Makan Malam Rakan Industri 2012. Tujuan kejohanan ini diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara staf UniSZA dan pihak industri.

Kejohanan Golf diadakan di Tok Jembal Golf Resort, Kuala Terengganu dari jam 8.00 pagi sehingga 12.30 tengahari. Seramai 36 orang peserta menyertai kejohanan tersebut yang terdiri daripada wakil-wakil industri dan staf UniSZA.

Kejohanan Boling pula diadakan di Terengganu Equestrian Resort, Kuala Terengganu bermula jam 1.00 petang sehingga 4.30 petang. Seramai 30 orang peserta yang terlibat terdiri daripada wakil-wakil industri dan staf UniSZA.

Pasukan UniSZA menjuarai keseluruhan kejohahan bagi kategori kumpulan individu dan kumpulan bagi kejohanan Golf dan Boling. Penglibatan peserta amat menggalakkan dan pihak CIRT berharap program seumpama ini dapat diadakan setiap tahun bagi merapatkan jurang universiti dan pihak industri agar kerjasama antara kedua-dua pihak terjalin untuk jangka masa panjang dalam pelbagai bentuk melalui bidang-bidang intelektual yang ada di universiti. Selain itu, program ini dapat mempromosi kepakaran-kepakaran yang ada di universiti kepada pihak luar terutamanya kepada pihak industri dan masyarakat sekitarnya.



Pesilat Wanita Silat Cekak Hanafi Bukti Kehebatan dalam Kejohanan Cabaran Pandai Silat 2012

Pasukan Puteri Cekak yang terdiri daripada pesilat wanita Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi (PSSCUH) UniSZA sekali lagi mengharumkan nama universiti apabila muncul johan keseluruhan Kejohanan Cabaran Pandai Silat Peringkat Nasional 2012 yang diadakan pada 17 November 2012 di Wangsa Walk Mall, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Pasukan ini muncul juara buat kali kedua berturut-turut selepas memenanginya pada tahun lepas dengan menggunakan nama Wirawati UniSZA. Kejohanan kali kedua ini dianjurkan oleh Akademi Silat Cekak Ustaz Hanafi dan disokong oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Puteri Cekak mengungguli kejohanan tersebut dengan menewaskan lima buah pasukan lain dan menerima pingat emas serta disarungkan dengan baju rasmi persatuan iaitu baju singkap. Sebanyak empat kategori dalam ujian saringan telah dipertandingkan iaitu papan sekeping tangan kosong, papan sekeping senjata, umum tangan kosong dan umum senjata.

PSSCUH UniSZA telah menghantar tiga pasukan ke kejohanan ini, iaitu Puteri Cekak, Sriandi Tun Fatimah dan satu pasukan pesilat lelaki iaitu Cakak Ganu. Terdapat tiga tugasan yang diberikan untuk disempurnakan pada pusingan akhir, iaitu serangan berpasangan, umum praktikal dan serangan di atas titian condong.

Penasihat Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi UniSZA, Muhammad Hafiz Abdullah, merakamkan setinggi ucapan tahniah dan berbangga atas kejayaan pasukan pesilat UniSZA.



Beliau berkata meskipun hanya satu pasukan sahaja yang berjaya ke peringkat akhir, namun ini adalah satu kejayaan besar kerana PSSCUH UniSZA dapat menghantar lebih ramai pasukan berbanding tahun sebelumnya. Kejayaan ini telah mencatatkan satu lagi rekod yang cemerlang bagi PSSCUH UniSZA kerana kejohanan ini telah menghimpunkan pesilat-pesilat yang handal dan berpengalaman.

Menurut beliau lagi, ekoran kejayaan ini, PSSCUH UniSZA akan berusaha untuk melahirkan lebih ramai pesilat yang hebat sebagai pelapis bagi meneruskan lagi legasi silat dan melahirkan mahasiswa yang lebih berdaya saing. Acara penutup kejohanan telah disempurnakan oleh Guru Utama PSSCUH Malaysia, En. Marwi Latif.

Kem Integriti Pelajar Baru FKI

Kem Integriti Pelajar FKI 2012 merupakan satu aktiviti yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Pengajian Islam FKI (PMFKI). Program ini telah diadakan pada 4-6 Oktober 2012 bertempat di Pusat Ko-Kurikulum, Kem Merang, UniSZA dan dirasmikan oleh Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi.

Seramai 131 orang pelajar baru program ijazah serta sembilan orang staf FKI terlibat dalam program ini. Objektif program ini ialah untuk menyampaikan maklumat tentang keselamatan, keselesaan, kehamonian, etika dan cabaran di kampus; memupuk nilai-nilai murni, kreativiti dan semangat yang jitu dalam mendepani cabaran-cabaran di alam pengajian; membina keyakinan dan kepercayaan pada diri bahawa dengan persediaan yang mantap boleh menjadikan pelajar FKI yang dapat membantu kearah peningkatan akademik dan sahsiah; dan menyediakan pelajar yang mempunyai peribadi yang terpuji dan bersedia untuk menjadi seorang pemimpin.

Antara pengisian program kem integriti ini ialah ceramah kekeluargaan, ceramah percintaan kampus, ceramah keselamatan, ceramah perkahwinan, ceramah etika pelajar, ceramah pengurusan stres, qiyamullail, kuliah subuh dan sukan air.

Diharapkan program integriti ini dapat dimanfaatkan oleh semua peserta agar objektif melahirkan pelajar cemerlang sahsiah selaras dengan cemerlang akademik dapat dicapai dengan jayanya.





Program Himpunan Sekretariat UniSZA 2012

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UniSZA telah mengadakan Program Himpunan Sekretariat UniSZA 2012 bertempat di Sembrong, Kluang, Johor pada 9 – 11 November 2012. Program ini melibatkan kesemua sembilan sekretariat di UniSZA seramai 200 orang pelajar yang terdiri daripada Sekretariat Rakan Muda, Rukun Negara, Pencegahan Rasuah, Permuafakatan Siswa FELDA (PERSADA), Pencegahan Dadah, Pengguna Siswa, 1Malaysia, Sukarelawan Mahasiswa dan Kumpulan Rakan Siswa JASA (KARISMA). Mahasiswa akan diagihkan kepada keluarga angkat selama program berlangsung yang melibatkan dua kawasan di Sembrong iaitu Paloh dan Kahang.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk membuka peluang penglibatan mahasiswa dan jabatan mendampingi komuniti melalui kegiatan kemasyarakatan, kekeluargaan, kejiran dan pendidikan selaras dengan semangat 1

Malaysia. Selain itu juga, untuk memupuk nilai kepimpinan di kalangan mahasiswa terutamanya dalam membantu kerajaan mengukuhkan dan membangunkan jalinan integrasi yang erat di kalangan komuniti setempat. Justeru itu, melalui program ini juga diharapkan mahasiswa dapat menjadi pemangkin kepada perubahan sosial remaja di dalam komuniti khususnya di bidang ekonomi, sosial dan politik yang berasaskan ilmu pengetahuan akademik mereka.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah tazkirah, gotong-royong yang melibatkan penduduk kampung serta agensi RELA dan JPAM, Sukan Rakyat, Gabungan Persempahan antara mahasiswa dan penduduk kampung serta senamrobik. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh En. Abdul Ghani Rashid, Ketua UMNO Bahagian Sembrong. Manakala pengurusan HEPA yang turut memeriahkan majlis tersebut adalah Dr. Mustafa Che Omar.

Majlis Silaturrahim Kakitangan Bersama Pelajar Baru FPB

Pada 9 September 2012, bertempat di Ladang Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), telah berjaya mengadakan majlis silaturrahim kakitangan bersama pelajar baru FPB. Program ini telah dirasmikan oleh Dekan FPB iaitu Prof. Dr Mat Zakaria dan dihadiri oleh kira-kira 450 orang termasuk Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar FPB. Program bermula pada jam 12.00 tengahari dan berakhir pada jam 3.00 petang.

Program ini bertujuan untuk meraikan pelajar baru FPB sesi 2012/2013 sekaligus merapatkan silaturrahim di antara kakitangan, pelajar baru dan lama FPB. Pihak fakulti merasa begitu bertuah dengan kehadiran pelajar-pelajar baru ke fakulti ini. Fakulti berharap program ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan staf dan pelajar FPB.



Program ‘Semusim Bersama Seabad Terasa’

Fakulti Teknologi Makanan (FTM) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Teknologi Makanan (PMFTM) telah menganjurkan Program ‘Semusim Bersama Seabad Terasa’ yang diadakan di Taman Panorama, Kuala Terengganu pada 9 September 2012.

Program ini adalah acara yang berkonsepkan taaruf, riadah serta santai. Pada dasarnya, tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i yang baru mendaftar sebagai pelajar semester pertama di FTM terhadap pembelajaran di samping memperkenalkan para pensyarah dan staf fakulti berkenaan. Justeru, dengan adanya program seumpama ini, ikatan silaturrahim antara para pelajar tahun pertama dengan para pensyarah dan staf akan bertambah erat.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 41 orang pelajar baru dan 20 orang fasilitator. Para peserta dibahagikan mengikut kumpulan mentor mentee masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang permasalahan mahupun persoalan, para pelajar boleh berbincang dan bertanya kepada mentor masing-masing.

Secara keseluruhannya, program ini telah berlangsung dengan jayanya. Segala objektif program telah tercapai. Diharap program seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang agar dapat melahirkan pelajar universiti yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik bahkan memiliki kecerdasan mental dan fizikal. Ini seiring dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan mahasiswa dan mahasiswi minda kelas pertama.



TESLIAN Spiritual Retreat 2012



From 30th August to 1st September 2012, the Faculty of Languages and Communication organized the first ever TESLIAN Spiritual Retreat for Diploma of Teaching English as a Second Language (TESL) students. 127 students took part consisting of 65 from Semester 3 and 57 from Semester 1. The objectives of this camp were:

- To enhance the character of future English language teachers into righteous, productive and God-fearing individuals.
- To instil awareness of students' accountability, responsibility and commitment to their future jobs as teachers.
- To expose the students to various techniques of self-motivation, time management, self-enrichment and lifelong learning skills.

This three days programme was held at Kem Pengakap Tengku Muhammad Ismail, Telaga Batin. Among the contents of the programme were Spiritual Intelligence Reflections on Self and Responsibilities, Inspirational Talks, Academic Forum on Well-rounded Students, Congregational Prayers, Girls' Talk, Team Building activities such as blind trail and other obstacle activities. Other fun activities such as 'strolling at the beach', 'tinta kasih sayang', 'leadership games' and many more were carried out. Most importantly, the students enjoyed themselves and the medium used throughout was English. These activities were exclusively designed to produce well-rounded students who excel academically and spiritually and will contribute greatly towards the development of our Ummah and nation. This programme succeeded in achieving its objectives for the benefit of the students and the university as a whole.



Terapi Gantian Metadon untuk Penagihan Dadah

ISBN: 978-983-9842-58-6

Tahun: 2012

Harga: RM30.00

Masalah penagihan dadah telah lama bertapak di Malaysia dan program-program pemulihan telah menjadi perintis rawatan yang utama. Namun setelah lebih 30 tahun dilaksanakan, gejala dadah kekal berleluasa dengan peningkatan kadar relaps melebihi 5000 kes setiap tahun (2000-2010). Impak negatif fenomena ini terhadap kehidupan manusia memang tidak mampu disangkal lagi. Usaha-usaha membendung penularannya pula ternyata sukar dengan kemunculan dadah-dadah sintetik yang semakin digemari kini. Sehubungan itu, dalam meniti perkembangan perubatan moden terkini, muncullah terapi gantian metadon (TGM) pada era 60-an. Keserasian ciri-ciri farmakologinya beserta kesan-kesan sampingan yang minimal telah menempatkan TGM sebagai antara rawatan penagihan dadah yang paling berjaya diamalkan sehingga ke hari ini di negara-negara barat. Justeru itu kerajaan Malaysia akhirnya mula menawarkan TGM pada penghujung tahun 2005 kepada para penagih secara sukarela. Meskipun kejayaan TGM telah banyak terbukti di negara-negara lain, dapatan kajian dan tinjauan terhadap keberkesanannya dalam masyarakat tempatan masih kurang menyeluruh. Lantas buku ini bertujuan mengupas dan membincangkan secara khusus impak TGM dari sudut klinikal, ekonomi dan holistik setelah lima tahun diamalkan di Malaysia. Kandungannya turut memuatkan sejarah dan masalah dadah serantau yang membawa kepada evolusi rawatan-rawatan penagihan di dalam dan luar negara.

ISSN 1985-7667
UNISZA
**JURNAL ISLAM**
dan Masyarakat Kontemporari

Keluaran 5, Julai 2012 / Syarban 1433

Keberkesahan Program Skim Latihan Graduan bagi Mengurangkan Kadar Pengangguran dalam Kalangan Siswazah
Siti Hajar Abdul Rauf & Maimunah Abdul Rauf

Sejarah Penulisan Jawi di Terengganu Sebelum 1957
Berhanundin Abdullah, Zaihob Abdullah, Zurita Mohd Yusoff & Najmiah Omar

Literatur dan Kajian Tentang Gender di Malaysia Sejak 1980 hingga Dekad 2000an
Azlina Abdullah

Perbandingan Pemakaian Daster dalam Agama Sikh dengan Serban dalam Agama Islam
Aman Daima Md. Zain

Unsur-Unsur Pemikiran Takfir dalam Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah dan Kesannya di Malaysia
Rozali Musa, Syed Hadzrullati Syed Omar & Engku Ibrahim Engku Wok Zin

Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas di Malaysia
Salmy Edawatty Yaacob

Pendekatan Sastera Islam Modern
Rosni Samah & Nurhasma Muhamad Saad

Dakwah kepada Bukan Islam Menerusi Interaksi
Aminudin Basir @ Ahmad & Akila Mamat

FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPOARI ISLAM
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
Ilmu Demi Faedah Insan

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Jilid 5

ISSN: 1985-7667

Tahun: 2012

Harga: RM25.00

- Keberkesahan Program Skim Latihan Graduan bagi Mengurangkan Kadar Pengangguran dalam Kalangan Siswazah
Siti Hajar Abdul Rauf & Maimunah Abdul Rauf
- Sejarah Penulisan Jawi di Terengganu Sebelum 1957
Berhanundin Abdullah, Zaihob Abdullah, Zurita Mohd Yusoff & Najmiah Omar
- Literatur dan Kajian Gender di Malaysia Sejak 1980 hingga Dekad 2000an
Azlina Abdullah
- Perbandingan Pemakaian Daster dalam agama Sikh dengan Serban dalam Agama Islam
Aman Daima Md. Zain
- Unsur-unsur Pemikiran Takfir dalam Jamaah al-Takfir wa al-Hijrah dan Kesannya di Malaysia
Razali Musa, Syed Hadzrullati Syed Omar & ENgku Ibrahim Engku Wok Zin
- Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas di Malaysia
Salmy Edawatty Yaacob
- Pendekatan Sastera Islam Modern
Rosni Samah & Nurhasma Muhamad Saad
- Dakwah kepada Bukan Islam Menerusi Interaksi
Aminudin Basir @ Ahmad & Akila Mamat